# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# YBHG. DATUK MOKHZANI BIN ISMAIL
# PENGARAH MUZIK RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)


**OLEH:**

**SYAZA NADZIRAH BINTI SHUIB 2021172601**

**KU NUR AINA BINTI KU YAHYA 2021119883**


**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**

**IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 05 (MAC 2022 – OGOS 2022)**

# ISI KANDUNGAN

**ABSTRAK**........................................................................................ i

**PENGHARGAAN**................................................................................ ii

**SENARAI ABREVIASI**...................................................................... iii

**SENARAI SINGKATAN**..................................................................... iv

**RUJUKAN KATA**................................................................................ v

**BIODATA PENEMUBUAL**..............................................................

**BIODATA TOKOH**.............................................................................

Biodata Tokoh........................................................................................ 3

Pengenalan Tokoh.................................................................................. 4

**SEJARAH LISAN**

Pengenalan............................................................................................ 5

Objektif.................................................................................................. 6

Kepentingan ......................................................................................... 6

**KAJIAN LITERATUR**....................................................................... 7

**TRANSKRIP**

Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh

i. Latar Belakang Peribadi........................................................................ 9

ii. Latar Belakang Pendidikan.................................................................. 15

iii. Latar Belakang Muzik......................................................................... 21

Bahagian 2: Kerjaya

i. Pengalaman Pekerjaan Awal.................................................................. 28

ii. Kerjaya Bersama RTM......................................................................... 29

iii. Penglibatan Sebagai Pengubah dan Pencipta Lagu.............................. 40

Bahagian 3: Sumbangan / Pencapaian....................................................... 48

Bahagian 4: Pendapat / Nasihat / Perancangan......................................... 53

**LOG TEMUBUAL**.............................................................................. 60

**RALAT**........................................................................................ 74

**GLOSARI**........................................................................................ 74

**INDEKS**........................................................................................ 75

**BIBLIOGRAFI**........................................................................................ 79

**LAMPIRAN**

Biografi Tokoh........................................................................................ 81

Surat Perjanjian........................................................................................ 82

Senarai Soalan........................................................................................ 83

Diari Kajian........................................................................................ 89

Gambar........................................................................................ 102

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman, penglibatan serta sumbangan seorang tokoh yang menaung muzik lebih dari 2 dekad. Tokoh tersebut ialah seorang konduktor muzik, pemain piano dan pengubah lagu Malaysia iaitu Ybhg. Datuk Mokhzani Ismail. Secara umumnya, muzik dan artis memang dikenali ramai, namun, tidak pada orkestra. Kebanyakkan masyarakat kini menyalaherti maksud orkestra dan tidak mengetahui disebalik tadbir dalam memimpin sesebuah orkestra. Selain menyentuh berkaitan latar belakang peribadi beliau, kajian ini juga memfokuskan kepada usaha dan pengalaman beliau daripada seseorang yang berasal dari kampung namun berjaya dalam menjadi seorang pemuzik profesional serta sebagai pengarah muzik di RTM. Datuk Mokhzani Ismail dikenali kerana bakatnya yang terserlah dalam dunia muzik bukan sahaja di Malaysia bahkan di persada dunia. Sumbangan - sumbangan yang dikecapi beliau dalam muzik dan orkestra sehingga dipanggil untuk memimpin RTM buat kali kedua setelah bersara juga turut dibincangkan. Kajian ini bukan sahaja dilaksanakan melalui Datuk Mokhzani sendiri, ianya turut diperolehi melalui beberapa carian di artikel akhbar. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar terutamanya graduan industri muzik, dan orang awam. Melalui projek lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi muda sekarang akan lebih memahami dengan lebih lanjut tentang tokoh Datuk Mokhzani, bidang muzik dan orkestra.*

**Kata Kunci:** *RTM (Radio Televisyen Malaysia), muzik, orkestra, pengarah muzik, piano*

# PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim ,

Pertama sekali, syukur alhamdulillah dipanjatkan kehadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurnianya, kami dapat menyelesaikan tugasan ini bagi kod subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) dalam tempoh yang telah ditetapkan dengan jayanya.

Di kesempatan ini, kami dengan rasa rendah diri dan berbesar hati mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ybhg. Datuk Mokhzani Bin Ismail selaku Pengarah Muzik RTM (Radio Televisyen Malaysia) diatas kesudian beliau meluangkan masa dan tenaga untuk bersama kami dalam wawancara tersebut. Kesempatan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak beliau amatlah penting dan utama dalam menyempurnakan wawancara tersebut.

Penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah kod subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604), Puan Nurulannisa Abdullah kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan sentiasa membantu kami sepanjang proses menyelesaikan tugasan ini. Beliau sentiasa mewujudkan suasana untuk kami bertanyakan soalan dan menunjukkan professionalism yang sangat tinggi sepanjang proses.

Selain itu, penghargaan juga dihadiahkan kepada rakan - rakan seperjuangan yang juga banyak membantu kami dalam memahami tugasan ini bagi merealisasikan usaha bersama - sama dengan jayanya. Ucapan terima kasih dizahirkan kepada ibu - bapa yang banyak mendukung usaha kami selama ini. Nasihat dan dorongan yang diberikan tanpa putus menguatkan kami untuk terus maju dan menjayakan tugasan ini.

Tidak dilupakan kepada semua pihak yang terlibat samaada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugasan ini. Terima kasih atas segala usaha dan bantuan yang telah dihulurkan baik dari segi mental mahupun fizikal.

.

Sekian, terima kasih.

# SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN | MAKSUD |
|---|---|
| ASEAN | Association of Southeast Asian Nations |
| ASWARA | Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan |
| CD | Compact Disc |
| CGPA | Cumulative Grade Point Average |
| FB | Facebook |
| GPA | Grade Point Average |
| JUSA | Jawatan Utama Sektor Awam |
| ICOM | International College of Music |
| IPIK | Institut Perguruan Ilmu Khas |
| MCE | Malaysian Certificate of Education |
| MRSM | Maktab Rendah Sains Mara |
| RTM | Radio Televisyen Malaysia |
| SJMC | Subang Jaya Medical Center |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SRP | Sijil Rendah Pelajaran |
| STAR | Sekolah Tuanku Abdul Rahman |
| TV | Televisyen |
| UiTM | Universiti Teknologi Mara |
| UMK | Universiti Malaysia Kelantan |
| UMS | Universiti Malaysia Sabah |
| UNIMAS | Universiti Malaysia Sarawak |
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| US | United States |
| USM | Universiti Sains Malaysia |

# SENARAI SINGKATAN

DM : Datuk Mokhzani

SN : Syaza Nadzirah

KNA : Ku Nur Aina

ss : seksyen

# RUJUKAN KATA

| | |
|---|---|
| bapak | bapa |
| besa | biasa |
| cikgu | guru |
| depa | mereka |
| kot | rasanya / mungkin |
| mai | datang / mari |
| mau | mahu |
| mengaji | belajar |
| nak | hendak |
| nakpi | hendak pergi |
| pastu | selepas itu |
| takda | tiada |
| taun | tahun |

# BIODATA PENEMUBUAL



| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Syaza Nadzirah Binti Shuib |
| Tarikh Lahir | : | |
| Tempat Lahir | : | Langkawi, Kedah |
| Alamat | : | Langkawi, Kedah |
| No. Telefon | : | |
| Emel | : | |
| Program | : | Pengurusan Sistem Maklumat (IM245) |



| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Ku Nur Aina Binti Ku Yahya |
| Tarikh Lahir | : | |
| Tempat Lahir | : | Kangar, Perlis |
| Alamat | : | Arau Perlis |
| No. Telefon | : | |
| Emel | : | |
| Program | : | Pengurusan Sistem Maklumat (IM245) |

# BIODATA TOKOH



| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Mokhzani Bin Ismail |
| Nama Samaran | : | DM (Datuk Mokhzani) |
| Tarikh Lahir | : | |
| Tempat Lahir | : | Perlis |
| Alamat | : | Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan |
| No. Telefon | : | |
| Profesion | : | |
| Bidang | : | Pengarah Muzik RTM (Radio Televisyen Malaysia) |
| | | Muzik, Orkestra dan Persembahan |

# PENGENALAN TOKOH

Ybhg. Datuk Mokhzani Bin Ismail atau lebih mesra dipanggil DM (Datuk Mokhzani merupakan seorang pengubah dan komposer muzik. Beliau sebenarnya telah bersara pada Februari 2022, namun beliau mendapat tawaran untuk menyambung kembali posisi sebagai pengarah muzik di RTM untuk tempoh kontrak 2 tahun. Anak kelahiran Perlis ini memang menyimpan impian menjadi seorang pemuzik profesional sejak kecil lagi. Tawaran yang diterima untuk melanjutkan pengajian di kolej muzik kontemporari terbesar di dunia, merupakan satu peluang yang tidak beliau sia - siakan. Sebaik sahaja tamat pengajian di Berklee College of Music, beliau tidak mengambil masa yang lama untuk menyertai RTM. Mempunyai kepakaran dalam bermain piano irama jazz menjadi kekuatan beliau dalam industri muzik dan mencipta melodi untuk lagu - lagu tema acara - acara berprestij di Malaysia. Bahkan beliau telah meraih pelbagai pencapaian yang membanggakan dan berjaya mencipta rekod Malaysia beberapa kali.

Perjalanan karier beliau yang panjang dalam RTM dan orkestra telah memberi beliau banyak pengalaman dan sekaligus melihat pertumbuhan RTM seiring masa berjalan. Sebagai seorang maestro kelas pertama, Datuk Mokhzani sendiri juga menghadapi rintangan dalam memimpin sesebuah orkestra dan menjalankan tugas sebagai pengarah muzik. Beliau tetap merendah diri dan sentiasa berkeinginan untuk mempelajari ilmu baharu agar dapat kekal relevan dalam industri muzik Malaysia. Berpegang kepada motto kehidupan "Berani mencuba, tidak takut gagal", beliau tidak terlalu termakan dengan kata - kata negatif yang dilontarkan, sebaliknya memilih untuk mencuba. Menaruh harapan terhadap suatu bidang yang tidak menjamin suatu ketika dahulu, nyata tidak melumpuhkan semangat beliau untuk terus percaya pada impian dan bakat dalam diri. Sekarang, beliau telah dikenali dikalangan para pemuzik dan menjadi salah satu kebangaan kepada industri muzik Malaysia, RTM bahkan negeri kelahiran, Perlis.

# SEJARAH LISAN

## Pengenalan

Industri muzik merupakan sebuah bidang yang tidak asing lagi. Muzik telah lama menapak dalam Malaysia dan telah membentuk pelbagai genre yang boleh didengari di segenap pelusuk dunia. Industri muzik Malaysia telah banyak memberi sumbangan dan mencapai kejayaan. Disebalik pencapaian yang dikecapi, ada tonggak yang berdiri menghadapi segala jatuh bangun. Antaranya adalah kelompok orkestra yang mengiringi lagu dan persembahan para para pemuzik dalam menyampaikan hiburan kepada masyarakat. Kejayaan dalam bidang orkestra kurang mendapat liputan dan jarang diketahui oleh masyarakat.

Perkara yang ingin dikaji dalam kajian ini ialah berkaitan dengan seniman veteran Malaysia dalam industri muzik orkestra. Bakat yang mendalam dalam seni muzik menjadi pendorong kepada individu dalam melibatkan diri dalam industri ini. Kejayaan yang diperolehi bukan sahaja demi kepuasan diri tetapi juga sebagai tanda dedikasi terhadap industri seni muzik. Secara umumnya, orkestra sering di salah tafsir sebagai genre muzik di Malaysia dan kurangnya pendedahan mengenainya. Generasi sekarang lebih terdedah kepada artis dan lagu yang lebih moden, mengikut peredaran masa, lebih tertarik dengan genre muzik seperti pop sehingga melupakan muzik orkestra tempatan dan lagu-lagu Malaysia yang mempunyai nilai estetik dan patriotik. Rakyat Malaysia juga mempunyai persepsi yang salah dimana muzik orkestra dan lagu-lagu Malaysia hanyalah sesuai untuk acara khas negara dan mengandungi lagu - lagu berat. Oleh disebabkan itu, muzik berbentuk orkestra dan lagu-lagu tempatan perlu diperluas kerana ianya mempunyai nilai seni muzik yang tinggi, setaraf dengan orkestra antarabangsa yang mana ia sepatutnya dihargai oleh semua lapisan masyarakat.

# Objektif

1. Mengkaji tentang latar belakang, perjalanan serta penglibatan pemuzik veteran iaitu Ybhg. Datuk Mokhzani Ismail sebagai pemuzik dan bersama orkestra Radio Televisyen Malaysia (RTM).
2. Mengetahui tentang tugas, cabaran, elemen, dan disebalik tadbir sesebuah orkestra.
3. Menganalisis sumbangan dan pencapaian Datuk Mokhzani kepada industri muzik dan orkestra Malaysia.

# Kepentingan

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengenali artis veteran negara iaitu Ybhg Datuk Mokhzani Ismail yang merupakan seorang pengarah muzik, pengubah lagu dan pemain piano. Selain itu, penyelidikan ini juga bertujuan memberi perkongsian tentang perjalanan Ybhg. Datuk Mokhzani Ismail bersama Orkestra Radio Televisyen Malaysia (RTM) serta pengalaman dan pencapaian beliau dalam industri muzik Malaysia. Penyelidikan ini mampu memberi faedah dan pengetahuan kepada masyarakat pelbagai peringkat umur dalam mengenali salah seorang veteran yang berdiri memimpin irama muzik Malaysia juga menyumbang kepada negara melalui pelbagai aspek dan membanggakan industri muzik dan sekaligus mengharumkan nama Malaysia . Selain daripada itu, ianya dapat membuka mata masyarakat mengenai orkestra tertua di Malaysia dan cabaran yang dihadapi. Seterusnya, kajian ini mampu memberikan sumbangan dalam masyarakat. Melalui kajian ini, ia dapat membuka mata masyarakat terhadap kewujudan orkestra dan pencapaiannya dalam industri muzik di Malaysia. Selain itu, ianya turut berupaya memecahkan persepsi masyarakat tentang orkestra dan jenis-jenis muzik yang dibawa serta memberikan pendedahan tentang tugasan dan cabaran yang dihadapi disebalik kepimpinan sesebuah orkestra.

# KAJIAN LITERATUR

Irama dan alat muzik sering menjadi simbol kaum, budaya, dan tradisi. muzik adalah cara untuk belajar tentang erti kehidupan (Ting, 2021). Industri muzik merupakan sebuah industri yang luas dan tidak tertumpu kepada sesuatu genre. Hal ini kerana muzik dilihat mempunyai unsur komunikasi dalam menyampaikan sesuatu mesej, berkongsi perasaan, mahupun menyatakan idea melalui melodi dan penulisan lirik sejak dari awal kewujudannya. Penghasilan sesebuah musik tidak hanya memfokuskan kepada penyanyinya sahaja.

Menurut Norshafawati et al (2010),
"*...industri muzik mempunyai fungsi seperti sesebuah ekosistem yang melibatkan pelbagai pihak termasuk para artis, pencipta lagu, penggubah, produser, dan sebagainya...*"

Muzik di Malaysia telah menjadi satu penyatuan seni dalam pelbagai kebudayaan masyarakat berbilang kaum. Oleh itu, integrasi dan adaptasi kepelbagaian budaya merupakan aspek penting dalam muzik dimana konsep kacukan irama muzik Malaysia digabungkan dengan elemen - elemen global bukan sesuatu yang baru (Adil Johan, 2020). Justeru, ianya mampu meningkatkan minat, memberi pengetahuan yang mendalam berkaitan muzik dan komponen - komponennya seperti iringan muzik oleh orkestra. Berdasarkan (Wee, 2013) pada abad ke - 18, simfoni yang berbentuk klasik telah menjadi mantap di benua Eropah. Ianya diperakui sebagai salah satu muzik instrumental yang mencapai tahap tertinggi dan disukai ramai.

Umumnya mengetahui bahawa orkestra adalah sekumpulan besar pemuzik yang bersama-sama bermain muzik secara harmoni walaupun mempunyai komposisi, saiz alatan muzik dan kategori yang berbeza. Bilangan pemuzik dalam orkestra bergantung pada jenis alatan muzik yang akan dimainkan serta jenis acara dan ruang (Bertolini, 2018). Orkestra simfoni adalah orkestra dengan jumlah pemuzik terbesar mencecah sehingga 100 orang.

Istilah orkestra menurut John Spitzer (Tyrrell & Sadie, 2001) di dalam bahasa Greek dan Rom purba merujuk kepada peringkat asas pentas terbuka, yang digunakan semula dalam masa Renaissance untuk menunjukkan tempat itu di hadapan pentas. Orkestra itu sendiri boleh memainkan pelbagai repertoir seperti simfoni, muzik opera, balet, dan sebagainya. Seiring dengan perkembangan zaman, pada masa kini ramai yang memainkan muzik pop, muzik tradisional dan muzik untuk filem dalam susunan orkestra (Efendi & Haryanto, 2021). Orkestra biasanya dipimpin oleh konduktor yang mengarahkan prestasi dengan pergerakan tangan dan lengan, sering dibuat lebih mudah bagi para pemuzik untuk melihat dengan menggunakan tongkat konduktor. Konduktor menyatukan orkestra, menetapkan tempo dan membentuk bunyi ensemble (Yahaya, 2022).

Orkestra bukan sahaja dilihat sebagai hak milik kerajaan atau khas untuk golongan istimewa sahaja, namun ianya merupakan satu elemen muzik yang seharusnya dinikmati oleh semua golongan masyarakat. Oleh disebabkan itu, orkestra dilihat turut serta dalam program kemasyarakatan dan pelbagai acara melibatkan persembahan orkestra juga telah direkodkan di dalam Arkib Negara Malaysia. Contohnya adalah seperti Festival Muzik KL dan Orkestra Simfoni Kebangsaan yang telah bertempat di Istana Budaya pada 1 dan 2 Julai 2010 yang mana number penerimannya di arkib negara ialah 2010/0010074W.

Selain daripada acara kerajaan dan kemasyarakatan, orkestra turut mengadakan pelbagai konsert dan gala yang membolehkan peminat dan masyarakat menikmatinya secara langsung yang mana konsert-konsert dan gala-gala orkestra yang diadakan ini turut disimpan di dalam Arkib Negara Malaysia. Sebagai contoh, number penerimaannya ialah 2007/0000415Q iaitu Konsert Simfoni Orkestra yang merupakan antara konsert orkestra terulung yang diadakan di Malaysia.

Malaysia mempunyai pelbagai kumpulan orkestra yang hebat dan dikenali di serata Asia malah turut diiktiraf di peringkat antarabangsa. Antara kumpulan yang dikenali di Malaysia ialah Malaysian Philharmonic Orchestra, Orkestra Simfoni Kebangsaan dan Orkestra Radio Televisyen Malaysia atau dikenali sebagai RTM. Kumpulan-kumpulan orkestra ini mempunyai objektif tersendiri namun mereka mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk menaikkan martabat orkestra untuk membuka mata masyarakat tentang kepentingan orkestra di dalam industri muzik tanah air.

# TRANSKRIP

Ini adalah temuramah bersama Pengarah Muzik Radio Televisyen Malaysia (RTM) Ybhg Datuk Mokhzani Ismail. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam industri seni muzik tanahair. Bersama-sama kami ialah Ybhg. Datuk Mokhzani Ismail yang merupakan seorang Pengarah Muzik Orkestra Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang telah berkhidmat selama lebih 2 dekad dan masih aktif sehingga sekarang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 21 Jun 2022 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 4 petang sehingga 6 petang melalui platform Google Meet (GMeet). Temubual ini dikendalikan oleh Syaza Nadzirah Binti Shuib dan Ku Nur Aina Binti Ku Yahya. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

**Petunjuk:**
**DM : Datuk Mokhzani**
**KNA: Ku Nur Aina**
**SN: Syaza Nadzirah**

**Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh**

i. Latar Belakang Peribadi

KNA : **Bolehkah Datuk ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Datuk dan boleh Datuk nyatakan nama penuh Datuk?**

DM : Nama penuh saya Mokhzani Bin Ismail, berasal dari negeri Perlis telah dilahirkan pada 22 Februari 62 [1962], sekarang berusia 60 [enam puluh tahun] dan juga mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Seri Indera, Kangar [Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera]. Kemudian, sekolah menengah di Sekolah Menengah Derma dan seterusnya di situ sahaja peringkat awal saya di Perlis.

KNA : **Seterusnya, adakah Datuk mempunyai nama samaran atau nama panggilan daripada keluarga atau rakan-rakan?**

DM : Sebenarnya nama saya Mokhzani, depa [mereka] rapat panggil Mokh di kalangan kawan-kawan saya tetapi apabila saya ke Boston [Amerika Syarikat], saya tukar nama saya untuk memudahkan panggilan daripada pensyarah saya yang agak susah sikit sebab M-O-K-H-Z-A-N-I itu dia macam-macam dia sebut, jadi saya– di Boston [Amerika Syarikat] saya dikenali dengan nama Zack, pendek ja [sahaja] Zack. *So,* [jadi] kawan-kawan saya yang Boston [Amerika Syarikat] apabila– sampai sekarang masih panggil saya menggunakan Zack. Kadang-kadang bila– itu sahaja panggilan yang diguna di Boston [Amerika Syarikat] oleh kawan-kawan saya. Balik sini, mereka terus kepada panggilan biasa saya tetapi, ada juga sekarang ini apabila saya dapat gelaran Datuk taun [tahun] 1999, mereka panggil saya DM, Datuk Mokhzani. Sekarang ni saya sudah biasa dengan panggilan DM sahaja lah. Tetapi dalam– *in fact* [sebenarnya] kalau FB [Facebook] saya menggunakan pianist DM. Maknanya DM itu sebahagian daripada mereka yang memanggil saya sekarang ini.

KNA : **Boleh Datuk nyatakan balik [semula] tak berapa usia Datuk pada tahun ini?**

DM : Saya berusia– saya dilahirkan 22 haribulan 2 1962, itu usia saya sekarang menjangkau 60 [enam puluh tahun], telah bersara tetapi masuk berkhidmat semula, mendapat tawaran untuk menyambung sebagai pengarah muzik dalam tempoh kontrak selama dua tahun.

KNA : **Boleh saya tahu dimanakah Datuk menetap sekarang?**

DM : Saya menetap di taman– di Wangsa Baiduri, Subang Jaya daerah Selangor dan sudah jadi lebih hampir 20 [dua puluh tahun] saya menetap di sini. Sebelum itu, saya di sebelah Subang juga, masih Subang sebenarnya, cumanya di ss [seksyen] sebelah utara Subang Jaya. Tetapi sekarang ini, terus menetap-menetap di sini sudah agak lama di Wangsa Baiduri daerah SJMC [Subang Jaya Medical Center] dan juga Holiday Villa Hotel yang berdekatan di daerah Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.

**KNA : Boleh saya tahu nama ibu dan bapa Datuk?**

DM : Nama ibu saya Latifah Yusuf juga seorang pesara guru. Arwah ya, sudah pun meninggal dunia. Tetapi saya masih ada bapak [bapa] saya yang berusia 90 [sembilan puluh] tahun, juga seorang pesara guru dan masih lagi hidup, masih lagi ada, berada di Perlis, di kampung saya, mungkin sudah tidak berapa hendak– dia sihat cumanya kudrat agak berkurangan untuk orang tua yang berusia 90 [sembilan puluh] tahun. Jadi saya berasal daripada keluarga guru lah, guru.

**KNA : Berapakah bilangan adik-beradik dan Datuk merupakan anak keberapa dalam keluarga Datuk?**

DM : Saya mempunyai dua beradik di mana saya ialah anak yang bongsu. Saya mempunyai seorang abang, juga bergiat dalam bidang muzik. Tetapi, dia menetap di Sibu, Sarawak. Namanya Yazid Ismail, berusia 62 [enam puluh dua] tahun. 2 [dua] tahun perbezaan kami, iaitu 3 [dua] beradik sahaja dalam *family* [keluarga] saya.

**KNA : Soalan seterusnya, bilakah Datuk mendirikan rumah tangga?**

DM : Tahun 1991, sekembalinya saya daripada Boston, Amerika. Selesai pengajian saya tahun 90 [1990], tahun 91 [1991] saya terus mendirikan rumah tangga. Tahun 96 [1996] dapat anak seorang– sulung lelaki– eh tahun 92 [1992] saya dapat anak seorang lelaki yang sulung dan yang ke-2 [kedua] tahun 96 [1996]. *So,* [jadi] perkahwinan sudah berusia– daripada tahun 91 [1991] itu sudah 31 [tiga puluh satu] tahun kot [rasanya].

**KNA : Seingat Datuk, pada usia berapakah Datuk mendirikan rumah tangga pada tahun 1991 itu?**

DM : Tahun 62 [enam puluh dua]– kalau 91 [1991]– dua puluh- sembilan, umur 29 [dua puluh sembilan] tahun. Ya, isteri saya umur 28 [dua puluh lapan] semasa itu.

**KNA : Apakah nama isteri Datuk?**

DM : Isteri saya, Datuk Tengku Shireen Binti Tengku Suleiman. Berusia 59 [lima puluh sembilan] tahun, muda setahun daripada saya. Dahulu kerja bank, sekarang suri rumah tangga sepenuh masa.

**KNA : Tadi Datuk ada menyatakan Datuk mempunyai dua orang anak. Boleh saya tahu apakah nama anak-anak Datuk?**

DM : Yang sulung namanya Faris Alam Shah Putra, kalau tahun 92 [1992], dia berusia lebih kurang 30 [tiga puluh] tahun. Dia sekarang ni seorang *pilot* [juruterbang] dengan Malaysia Airlines dan yang kecil [bongsu], di tahun 96 [1996]. Maknanya usia dia sekarang lebih kurang 26 [dua puluh enam] tahun baru graduan daripada Royal College of Surgeon Ireland. Dia memilih bidang kedoktoran– 2 [dua] orang anak. Namanya yang perempuan Anissa Raudhah Binti Mokhzani, yang laki - laki [lelaki], Faris Alam Shah Putra.

KNA : **Seterusnya, boleh saya tahu apakah cita-cita Datuk sewaktu Datuk masih kecil?**

DM : Baik, memang cita-cita saya daripada kecil untuk menjadi seorang ahli muzik profesional, untuk *join* [masuk] RTM [Radio Televisyen Malaysia] daripada kecil lagi sebab RTM [Radio Televisyen Malaysia] dahulu merupakan satu-satunya stesen penyiaran yang ada. Jadi, dia ada orkestra. Jadi, daripada situlah minat timbul, daripada kecik [kecil] saya memang menanam minat untuk menjadi seorang pemuzik profesional, tetapi mengikut kepada kemahuan orang tua saya, ibu dan bapa saya hendak saya jadi guru. Jadi, untuk sementara 5 [lima] tahun yang pertama itu, selepas saya selesai MCE [Malaysian Certificate of Education] ataupun SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], saya masuk ke maktab guru jadi guru selama 4 [empat] tahun 8 [lapan] bulan sebelum saya terus meninggalkan kerja guru itu, memilih untuk menjadi seorang pemuzik profesional dan masa itu melanjutkan pelajaran ke Boston [Amerika Syarikat] dahulu sebelum itu.

KNA : **Boleh saya tahu apakah motto dalam hidup Datuk?**

DM : Berani mencuba, tidak takut gagal. Setiap apa yang saya mahukan, saya akan *try* [cuba]- saya akan cuba sampai saya dapat. Ada benda yang gagal, tetapi kebanyakan (gangguan bunyi) nya saya ada juga mencipta kepuasan dan kejayaan melalui satu motto yang saya pegang daripada dahulu sampai sekarang iaitu terus berani mencuba, tidak tahu– tidak takut gagal.

**KNA : Boleh Datuk ceritakan bagaimana Datuk membahagikan masa untuk bersama keluarga dan masa kerjaya?**

DM : Kerjaya memilih bidang muzik ini bukan sahaja kepada tempoh bekerja di waktu pejabat, sebab selain daripada sebagai pengarah muzik mengikut waktu pejabat, saya terlibat dengan persembahan muzik, mengiringi artis juga selain daripada itu, pergi membuat seminar-seminar saya semasa kelas dan sebagainya di universiti di UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris], saya telah dilantik menjadi adjung professor di situ dan juga beberapa universiti tempatan dan swasta yang membuatkan saya - jadual saya agak ketat dan banyak tanggungjawab - tanggunjawab yang telah diserahkan kepada saya misalnya untuk tahun ini, apabila masuk bulan kemerdekaan, saya harus melaksanakan beberapa tugasan negara yang telah pun diberikan kepada saya seperti menyiapkan lagu tema, menyiapkan konsert untuk perarakan Hari Kebangsaan dan sebagainya. *So,* [jadi] masa yang boleh dikatakan penuh tetapi hujung minggu itu atau pun malam, saya pastikan saya akan berada di rumah kerana zaman sekarang ini, kita tidak perlu berada di lokasi, *online meeting* [mesyuarat dalam talian] dan sebagainya. *So*, [jadi] di mana-mana sahaja kita boleh memberi arahan dan bergerak.

ii. Latar Belakang Pendidikan

SN : **Tadi Datuk ada menceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan Datuk. Jadi, sekarang saya akan bertanyakan soalan lebih lanjut berkisarkan tentang latar belakang pendidikan Datuk. Mari kita mulakan dengan sekolah rendah Datuk. Di manakah Datuk mendapatkan pendidikan awal?**

DM : Pada tahun 1969 sampai tahun 74 [1974], saya mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Seri Indera [Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera], dahulunya nama Kangar English School di Kangar, Perlis. Sekolah rendah ke sekolah menengah, saya ke Sekolah Menengah Derma [Sekolah saya mendapat tawaran untuk masuk UiTM [Universiti Teknologi Mara], Menengah Kebangsaan Derma] di Kangar juga sampai saya selesai SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Sudah selesai SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], *course* [jurusan] kejuruteraan am juga yang masa yang sama, saya mendapat tawaran untuk ke tingkatan enam di STAR [Sekolah Tuanku Abdul Rahman], Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR), Ipoh [Perak] tetapi dalam masa yang sama, saya menerima tawaran untuk menjadi seorang guru, jadi di Maktab Perguruan Ilmu Khas. Sekarang ini Institut Perguruan Ilmu Khas di Cheras [Selangor] selama 2 [dua] tahun– 80 [1980] ke 81 [1981] dan seterusnya saya mengajar dan berhenti sebagai seorang guru pada tahun 86 [1986] dan seterusnya 87 [1987] saya melanjutkan pelajaran peringkat sarjana di Berklee College of Music, Boston, [Amerika Syarikat] daripada tahun 87 [1987] sampai 1990, 3 [tiga] tahun lebih dan balik ke Malaysia baru saya berkhidmat dengan RTM [Radio Televisyen Malaysia].

SN : **Adakah Datuk memiliki kenangan manis pada zaman sekolah rendah?**

DM : Kenangan manis itu tentu lah satu, dapat peluang untuk membuat persembahan muzik semasa saya darjah satu. Semasa itu– . kemudian dapat peluang naik *stage* [pentas] kali pertama bermain alat pianika. Alat pianika ini macam alat yang (menunjukkan isyarat tangan merujuk kepada pianika) tiup– yang ada macam itulah- apa ada macam *keyboard* [papan nada]. Selepas itu–, seterusnya, tingkatan– semasa di sekolah menengah, mendapat peluang untuk bermain piano menjadi pasukan angklung dan dalam pasukan angklung itu ialah isteri saya juga, yang merupakan *junior* [lebih muda] sekolah. Daripada situ, mungkin jodoh kot [rasanya], berjumpa mula-mula sebagai pemain piano untuk kumpulan angklung yang dianggotai oleh isteri saya semasa di sekolah dahulu. Lain - lain kenangan manis, mewakili sekolah lepas masuk tingkatan 3 [tiga] mewakili sekolah dalam bidang bermain muzik ke Kuala Lumpur [Malaysia] untuk pertandingan, sebab saya banyak melibatkan diri dalam acara-acara persembahan di peringkat sekolah, baik sekolah rendah dan sekolah menengah.

SN : **Berdasarkan pernyataan Datuk, Datuk sememangnya seorang pelajar yang aktif semasa di sekolah rendah dan sekolah menengah.**

DM Sangat. Sangat aktif.

SN **Apakah jurusan yang Datuk ambil semasa di sekolah menengah dahulu?**

DM : Di sekolah menengah, saya masuk *science stream* [aliran sains]. Maksudnya saya– di situ, semasa tingkatan 4 [empat], kita boleh memilih sama ada jurusan sains ataupun sastera. Tetapi, saya dapat peluang untuk masuk jurusan sains dan tingkatan 4 [empat] dan tingkatan 5 [lima]. Tetapi, minat kepada muzik itu menyebabkan saya memilih untuk meneruskan cita-cita saya pada bidang yang jarang-jarang di Perlis pada masa itu. Orang kebanyakan memilih untuk menjadi *different network* [rangkaian yang berbeza] kursus lain yang lebih menjamin. Tetapi saya memberanikan diri menjadi anak Perlis pertama mendapat ijazah dalam bidang muzik.

**SN : Jadi, boleh Datuk ceritakan sedikit pencapaian tertinggi Datuk yang Datuk capai di sekolah menengah selain daripada mewakili sekolah dalam pertandingan muzik?**

DM : Saya lulus SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] ataupun MCE [Malaysian Certificate of Education] masa itu Malaysian Certificate of Education sebelum ditukar kepada SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Malah pencapaian tertinggi saya semasa darjah 6 [enam], saya dapat hadiah (gangguan bunyi) pertama untuk pelajar terbaik Bahasa Malaysia ka [ke] atau Sejarah, saya tidak ingat, tetapi saya ada naik pentas semasa darjah 6 [enam]. Kemudian, saya mendapat keputusan cemerlang juga dalam SRP [Sijil Rendah Pelajaran] sebelum saya berpeluang masuk ke jurusan sains di tingkatan 4 [empat] dan tingkatan 5 [lima], saya menghabiskan SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] dengan keputusan yang agak cemerlang juga membolehkan saya untuk masuk ke jawatan. *Maybe* [mungkin] untuk saya masuk ke Institut Perguruan Ilmu Khas [terkini Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas] [Cheras]. Tetapi minat muzik itu tetap ada daripada kecil. Sebab itu, saya belajar dalam tingkatan– dalam kelas yang paling– tingkatan 5 [lima] A, tetapi walaupun 5 [lima] A, tetapi sebab terlalu banyak pandai dalam kelas itu, jadi kita pun jadi terkebelakang [antara yang terakhir] (ketawa).

SN : **Seterusnya, saya akan bertanyakan soalan tentang pengajian di peringkat tinggi Datuk. Tadi Datuk ada bagitau [beritahu] yang Datuk memasuki institut perguruan, jadi Datuk telah mengambil kursus perguruan. Mengapa Datuk ambil keputusan untuk mengambil kursus atau bidang tersebut kerana Datuk minat dengan muzik?**

DM : Bila saya minat dengan muzik dan ibu bapa juga seorang guru memaksa saya memilih (menjadi guru) untuk menyedapkan hati *parents* [ibu bapa] ibu bapa, memilih jawatan, kerjaya guru. Tetapi, untuk menyedapkan hati saya, saya ambil guru muzik. Jadi, saya masuk ke IPIK [Institut Perguruan Ilmu Khas], saya menjadi guru tetapi bidang muzik. Sebabnya, saya belajar sendiri daripada kampung, sebab dahulu ke sekolah saya formal. Jadi, saya tidak tahu membaca nota (nada muzik). Bila saya balik daripada sudah menjadi cikgu, baru saya pergi belajar membaca nota sehingga saya selesai gred lapan dalam bidang piano, teori dan praktikal. Itu satu persediaan sebab saya sudah tahu sudah, saya perlukan gred untuk pergi ke luar negeri jadi saya kena persiapkan di peringkat asas– dapat membaca nota, dapat bermain muzik secara– bermain piano. Kalau dahulu, secara kampung, saya *strive* [berusaha] sendiri dan sudah bersedia untuk jawat akademik. Itu penyediaan saya. Jadi, bila diterima ke Berklee [College of Music], saya menyelesaikan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang orkestra, muzik dan *performance* [persembahan].

SN : **Seterusnya, boleh saya tahu apakah pencapaian tertinggi Datuk yang Datuk telah capai semasa berada di universiti?**

DM : Pencapaian tertinggi ialah saya berjaya membuat persembahan di Berklee Performance Center [Boston], satu-satunya sekolah muzik yang– antara yang terbaik di dunia, di kolej dan muzik. Jadi, saya berpeluang membuat persembahan 'The Title' di Berklee Performance Center yang disaksikan oleh pelajar-pelajar muzik dan juga guru-guru, pensyarah saya. Sebabnya hendak bermain dekat *performance center* [pusat persembahan] itu susah.

Ia memilih karya-karya terbaik untuk dibuat persembahan di situ dan semasa di Berklee [College of Music] juga, saya berpeluang mendapat tunjuk ajar daripada pensyarah yang kelas dunia. Beberapa orang pensyarah piano yang saya dapat ilmu sebagai *instructor* [tenaga pengajar] saya semasa saya belajar. Begitu juga dengan bidang pengubahan, saya mendapat seorang guru yang bertaraf *degree* [Ijazah Sarjana Muda], banyak menghasilkan *scoring-scoring* [penskoran] filem untuk Grammy Awards dan juga banyak juga tokoh-tokoh muzik yang lain dunia-dunia di bawah– sebagai *student* [pelajar] saya juga.

SN : **Banyak pencapaian Datuk di universiti- peringkat universiti. Jadi, boleh Datuk ceritakan antara kenangan manis semasa berada di universiti selain yang telah Datuk sebutkan tadi?**

DM : Kenangan manis itu, itulah iaitu kenangan manis, dapat berpeluang- dapat pensyarah-pensyarah yang bertaraf dunia. Kenangan yang lain daripada itu, persembahan– dapat ilmu, dapat menjadi seorang anak Perlis pertama melanjutkan pelajaran di peringkat tertinggi. Selain daripada itu, saya masih ingat lagi semasa saya hendak pergi Berklee [College of Music] itu, keluar di Utusan Malaysia "Seorang anak Malaysia dapat melanjutkan- diterima masuk ke–" itulah. Saya ada baca daripada Utusan Malaysia. Apabila berada di sana, kenangan manis dapat bercampur dengan semua tokoh-tokoh dan pemuzik yang hebat daripada seluruh dunia. Jadi, sebagai anak Malaysia, sebagai anak Melayu, sebagai anak kampung, di situlah saya berbangga. Cumanya, kenangan pahit apabila duit *scholarship* [biasiswa] tidak cukup, sebab Boston [Amerika Syarikat] ialah tempat yang *standard of living* [taraf hidup] nya sangat tinggi. Kebanyakan pelajar yang pergi sana *self-sponsored* [tajaan sendiri], kalau di Malaysia pun, kita lihat anak-anak orang kaya yang pergi ke sana dengan *funding* [pembiayaan] sendiri. Tetapi saya, biasiswa daripada MRSM [Maktab Rendah Sains Mara]. Maktab Rendah Sains Mara mengeluarkan biasiswa yang sangat sedikit. Kita kira dalam 400 US (matawang) semasa itu kali [darab] 3 [tiga], 1200 Ringgit Malaysia (matawang). Itulah hendak bayar rumah sewa, itulah hendak beli buku, itulah yang hendak beli makan dan

saya terpaksa bekerja separuh masa di kedai buku dan juga di *restaurant* [kedai makan]. Itu antara pahit pun ada, manis pun ada.

SN : **Tadi Datuk ada bagi *statement* [penyataan] yang Datuk pernah bekerja separuh masa semasa belajar di kedai buku dan *restaurant* [kedai makan]. Jadi, bagaimana Datuk dapat membahagikan masa-masa kerja dan aktif dalam pembelajaran Datuk?**

DM : Di universiti, ia lain daripada sekolah. Kita boleh memilih apabila sudah berada dalam semester *senior* [akhir] ataupun *intermediate* [pertengahan], kita boleh memilih, mengatur jadual kita. Hari apa kita hendak sibuk, hari apa kita hendak *free* [lapang] kan masa. Jadi, ia tidak macam sekolah, jadual itu diberikan kepada kita, kita kena pergi hari-hari. Bila kita masuk universiti, kita berhak membuat pilihan dan kadang-kadang kita *free* [lapang]- hari yang kita *free [lapang]* itulah kita akan pergi bekerja. Cumanya apabila di peringkat sudah hendak habis pengajian, masa itu sangat sibuk. Jadi, saya bekerja itu semasa saya di semester tengah-tengah itu, semester lewat sedikit daripada awal itu, sudah bila kita sudah tahu sudah macam mana perjalanan (batuk) jadual dan juga sebelum saya menamatkan pengajian, saya ada tinggal beberapa subjek sampai saya juga sempat berkhidmat sebagai pemain piano di sebuah kelab Jepun, di Boston [Amerika Syarikat]. Cumanya, saya perlu menumpukan kepada *final paper* [kertas akhir] sahaja. *So* [jadi], banyak masa yang– terutamanya di saat akhir sebelum saya selesai. Selepas itu saya fokus selain daripada tugasan terakhir di situ saya mencari tambahan untuk hidup di sana.

SN : **Tidak ragu lagi Datuk sememangnya seorang pelajar yang berusaha dan cemerlang. Jadi, adakah– selain daripada kursus profesional yang Datuk ambil sebentar tadi, adakah Datuk mempunyai kursus-kursus profesional lain yang pernah Datuk ikuti?**

DM : Di sana, apabila kita buat peringkat ijazah, 70 peratusnya berkaitan muzik dan 30 peratus lagi ialah *non-music subject* [subjek bukan muzik]. *Psychology* [Psikologi], *History of Art* [Sejarah Kesenian], *Western Civilization* [Tamadun Barat], subjek-subjek yang perlukan kita habiskan untuk kita selesaikan *degree* [Ijazah Sarjana Muda] punya program sebab diploma punya program, ia tertumpu kepada muzik sahaja. Selain daripada itu, saya mendapat– kebanyakannya berkaitan dengan muzik sahaja lah. Saya ambil– selain daripada dengan *tutor* [pengajar] saya, saya pergi untuk tugasan bersama– ambil daripada luar juga. Saya tengok orang-orang berpeluang untuk pergi Boston [Amerika Syarikat] itu bukan datang selalu. (Gangguan haiwan peliharaan) Peluang untuk ke Boston [Amerika Syarikat] itu datang sekali-sekala, jadi agak– saya ambil kesempatan lah untuk menimba ilmu sebanyak mungkin di sana. selain daripada itu, saya sempat pergi ke universiti-universiti lain macam Boston [Amerika Syarikat] Conservatory untuk menimba ilmu. Yang itu dibawah kos sendiri selain daripada yang di Berklee [College of Music] itu sendiri.

### iii. Latar Belakang Muzik

**KNA : Seterusnya, soalan akan beralih kepada latar belakang muzik. Sebagai ahli muzik, apakah alat muzik pertama yang Datuk pelajari?**

DM : Awal - awal dahulu saya belajar *violin* [biola]- saya belajar *violin* [biola] sebab bapa [bapak] pun dia boleh main *violin* [biola]. Jadi sebab itu, saya disuruh belajar *violin* [biola]. Dalam masa yang sama, bapa saya beli piano untuk dia belajar. Tetapi, *ended up* [akhirnya] bila saya yang ambil benda itu--. Saya tidak berapa minat dengan *violin* [biola] sebab entah– macam rasa tidak puas. Mungkin saya pun kecil semasa itu, saya lebih senang tengok piano, tekan-bunyi. Boleh main lagu dan daripada situ, saya umur seawal 7 [tujuh] tahun memilih alatan piano. Tetapi, apabila saya pergi ke Berklee [College of Music], saya berkenalan dengan *the second instrument* [instrumen kedua]. Macam alatan-alatan lain- macam

klarinet juga saya belajar dan juga belajar beberapa alat lain seperti *saxophone* [saksofon], tetapi tidak mahir. Sekadar untuk saya tahu latar belakang instrumen itu sebab saya ambil jurusan gubahan lagu. Bila gubahan lagu, kita kena kenal instrumen yang kita kendalikan walaupun kita tidak mahir.

KNA : **Tadi, Datuk ada menyatakan beberapa alat muzik yang Datuk pelajari. Apakah alat muzik yang paling digemari antara banyak - banyak itu?**

DM : Oh, sudah tentulah alat muzik piano. Itu memang saya punya kekuatan saya. Piano– tetapi (gangguan bunyi) sebab jadi Pengarah Muzik, saya kena *conduct* [mengendalikan] orkestra tetapi kalau kesempatan yang ada saya akan bermain piano juga dalam orkestra dan juga selain selepas waktu kerja (bermain piano). Kalau dahulu, saya pernah bermain piano di kelab, di hotel sebelah [sewaktu] petang, sebelah [sewaktu] malam dan juga sampai sekarang saya masih lagi *travel* [melancong]. Kalau dahulu, sebelum pandemik, saya selalu ke China sebab saya menjadi duta piano Hagspiel yang berpusat di Shenzhen, China. Sebab itu, daripada tahun 2015 saya menjadi duta piano Hagspiel yang membawa saya *travel* [melancong] ke seluruh China dan seterusnya saya memegang rekod Malaysia sebagai anak Malaysia pertama membuat persembahan di Great Wall of China [China]. Itu dilihat dalam YouTube.

KNA : **Boleh saya tahu, siapakah yang mula - mula mengajar Datuk dalam bermain alat muzik?**

DM : Saya belajar sendiri. Bapak [bapa] *guide* [bimbing] saya sedikit tetapi kebanyakan saya memakai telinga saya sebab di Perlis tiada sekolah muzik, sukar mendapatkan sekolah muzik pada tahun 60 an [1960 an], memang tiadalah. Tiada langsung sekolah pendidikan [sekolah muzik]. Kalau kita hendak belajar muzik, kita kena *travel* [bergerak] ke Alor

Setar [Kedah], sebab itu daripada kecil saya belajar menggunakan telinga, *by heart* [dengan hati] (gangguan bunyi) sebab saya (menunjukkan telinga) dianugerahkan kekuatan telinga saya (menunjukkan telinga) untuk mendengar dan saya bermain lagu. Pastu [Selepas itu] apabila mula main lagu saya– ruginya saya tak belajar *notes* [nada muzik] daripada awal. Apabila saya balik daripada maktab guru sudah jadi umur 18 [lapan belas], 19 [sembilan belas], baru saya terfikir kalau hendak ke luar negeri ini kena belajar baca *notes* [nada muzik]. *So [jadi]*, daripada belajar sendiri, saya menjadi seorang pelajar dengan Yamaha Music School [Malaysia]. Jadi, mengambil pengajian untuk membaca nota [nada muzik] semasa saya sudah agak dewasa sedikit sebelum saya ke Berklee [College of Music]. *So* [jadi], bapak [bapa] lah menjadi tenaga, pendorong utama, bapak saya selain daripada diri sendiri ketika itu.Selepas itu, baru ke Yamaha Music [Malaysia], barulah dapat seorang guru yang melatih saya untuk menjadi seorang pemain piano klasik. *So [jadi]*, itulah pada awalnya bapak [bapa] yang banyak memberi dorongan.

KNA : **Setelah mendengar pene - pengalaman Datuk, adakah Datuk pernah meminjam atau menyewa alat muzik? Jika ya, apakah alat muzik tersebut dan dalam tempoh berapa lama Datuk meminjam atau menyewa alat muzik tersebut?**

DM : Menyewa alat muzik itu, *culture* [budaya] saya di Berklee [College of Music] lah. Piano tiada masa itu, hendak beli mahal, jadi saya sewa untuk tempoh bulanan (berfikir) selama berapa– sebelum saya mampu dalam masa 6 [enam] bulan kot [rasanya], saya buat sewaan sebelum saya mampu membeli sendiri (berfikir) daripada hasil duit bekerja, himpun itu dapat beli. Lebih kurang lah, semasa saya belajar sana [Berklee College of Music], lebih kurang 6 [enam] bulan awal itu (gangguan bunyi) saya menyewa lah alatan daripada satu kedai muzik di Boston [Amerika Syarikat]. Selain daripada itu, tiadalah. Saya sudah beli sendiri lah.

KNA : **Berdasarkan cerita Datuk sebentar tadi, adakah piano merupakan alat muzik pertama yang Datuk beli sendiri?**

DM : Bapak [bapa] beli piano, semasa umur saya (berfikir) 7 [tujuh] tahun. Maknanya, tahun itu, 69 [1969] lah, saya sudah ada piano dirumah. Semasa itu, bapak [bapa] beli. Selepas itu, saya mampu membelinya apabila saya balik daripada menjadi cikgu, baru mampu membeli *keyboard* [papan nada] ataupun yang murah punya– piano yang murah dan selepas saya jadi pengarah muzik– masuk RTM [Radio Televisyen Malaysia], barulah saya mampu membeli yang taraf profesional punya alatan muzik yang untuk kegunaan saya sendiri.

KNA : **Seterusnya, adakah keluarga Datuk turut memiliki bakat atau darah seni dalam bidang muzik atau bermain piano seperti Datuk?**

DM : Bapak [bapa] saya bermain *violin* [biola], abang saya bermain gitar. Abang saya pemain gitar rock (genre), memang rockers (seorang yang mempersembahkan muzik rock atau menikmati muzik rock) habis. Bapa saya seorang pemain *violin* [biola], walaupun dia seorang guru tetapi dia bermain *violin* [biola]. Cumanya, saya seorang sahaja lah yang terlibat dalam bermain piano dan boleh dikatakan lah, abang saya turut menjadi seorang *professional musician* [pemuzik profesional] berpusat Mumtaz Studio (kurang jelas) di Sibu [Sarawak]. Bapa saya cuma pemain muzik *amateur* [amatur] lah kerana dia ada kerjaya sebagai guru besar sekolah. Tetapi darah seni itu mengalir, saya rasa daripada bapa lah.

KNA : **Apakah yang menyebabkan Datuk mula menunjuk minat ke arah muzik– seni muzik?**

DM : Saya tau [tahu] saya berbakat daripada kecil lagi kerana minat saya, suka pada muzik pada seusia awal 6 [enam], 7 [tujuh] tahun. Suka mendengar *record* [cakera] bapa saya, masa itu ada *record player* [pemain cakera], dia ada gramofon. Masa itu takda [tiada] tv [televisyen] lagi, tetapi apabila ada tv [televisyen] tahun 70 an [1970 an], saya nampak orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia], *so* [jadi] sudah menyimpan hasrat daripada kecil lah untuk menjadi seorang pemuzik profesional dan saya simpan hasrat itulah melalui beberapa fasa sehingga lah saya rasa saya berjaya, bukan syarikat sahaja menduduki– *join* [menyertai] orkestra RTM, tetapi menjadi pengarah muziknya sendiri.

KNA : **Nampaknya bapa Datuk banyak memberi pengaruh lah dalam (serentak) industri seni muzik Datuk.**

DM : Bukan daripada kecil sahaja. Bila saya– dalam RTM– sampai dalam RTM, kalau saya keluar tv [televisyen], bapa akan *record* [rakam], dia akan *share* [kongsi], dia akan tengok, dia akan komen lah. Itulah dia sampai- (berdehem) sampai sekarang masih terus memberikan *support* [sokongan]. sebenarnya dalam usia sekarang ini, agak sukar sahajalah untuk dia bergerak itulah.

KNA : **Adakah anak - anak Datuk turut meminati bidang yang Datuk ceburi sekarang?**

DM Saya tau [tahu] anak saya boleh menyanyi, ada bakat tetapi yang kecil, Annisa pernah bermain gitar sekejap. Pastu [selepas itu], apabila saya lihat pelajaran mereka bagus dan saya rasa eloklah dia cari jawatan lain sebab jawatan pemuzik ini sangat mencabar. Apabila dia berpeluang untuk berada dalam kerjaya yang lain daripada saya, saya hanya bagi

*support* [sokongan]. Tiada anak - anak yang menurut jejak kaki saya dalam bidang muzik ini. Kadang - kadang banyak kita lihat bapak [bapa] ahli muzik, anak akan jadi ahli muzik, jadi penyanyi sebagainya. Tidak pada saya, kerana anak mempunyai kerjaya *pilot* [juruterbang] dan kerjaya doktor yang menjadi *color* [warna] lah dalam rumah ini. *So* [jadi], walaupun saya– hari - hari dia (anak -anak) dengar bunyi piano daripada bapak [bapa] dia, tetapi (berfikir) benda itu mungkin tidak masuk. Dia lebih berminat pada bidang lain-lain.

KNA : **Okay [baiklah], siapakah figura atau idola dalam dunia muzik yang dikagumi oleh Datuk dan kenapa?**

DM : Sudah tentulah– kalau di Malaysia dahulu saya cukup minat Dato' Johari Salleh, pengarah muzik sebelum saya. Dia - dia merupakan satu figura ataupun tokoh muzik hebat - yang saya rasa saya akan ikut jejak langkah dia. Dia juga pergi ke Berklee [College of Music], dia balik pergi menjadi pengarah muzik RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Jadi, saya sekurang kurangnya dapat mengikut jejak langkah beliau ke arah itu. *Of course* [sudah tentu] di Barat, saya banyak suka kepada pemain-pemain piano jazz yang- daripada dahulu- daripada Bill Evans, Hans Zimmer itu memberi pengaruh kepada saya untuk saya mendalami bidang jazz semasa saya (berfikir)- orang kata apa- itu kekhususan saya, itu saya punya kekuatan. Iaitu dalam lagu muzik dalam genre jazz. *So* [jadi], disini setakat sekarang ini ialah- yang daripada dahulu sampai sekarang adalah Dato' Dr. Johari Salleh yang masih lagi bergiat aktif. Dia jadi– dia merupakan sumber inspirasi kepada saya untuk saya melangkah dalam muzik profesional di Malaysia.

KNA : **Tadi Datuk ada menyatakan yang pengarah muzik sebelum Datuk adalah menjadi sumber inspirasi Datuk dalam muzik. Bagaimana pula dengan sumber inspirasi dalam kehidupan Datuk sendiri?**

DM : Sumber kehidupan, saya (berjeda) suka melihat kepada kejayaan seorang sahaja lagi yang berlatarkan muzik, ya Tan Sri Tony Fernandes. Saya suka kaji (bunyi helaian kertas) walaupun daripada kejayaan daripada bidang muzik, dia menukar kepada bidang penerbangan, menjadi tauke [pemilik] kepada satu syarikat penerbangan. Jadi bagi saya, orang-orang yang berlatarkan muzik ini mampu untuk bergerak ke satu arah yang luar daripada kebiasaan. Dia antara tokoh-tokoh yang saya lihat memberikan satu inspirasi untuk kita bergerak. Kalau tak ikut macam dia pun, pergi ke arah *business* [perniagaan] penerbangan, mungkin kita akan berjaya dalam bidang kita dengan kesungguhan kita lah.

**KNA : Siapakah rakan pemuzik yang Datuk rapat ketika melangkah masuk ke dunia muzik dan orkestra?**

DM : Saya berasal daripada kampung. Apabila balik daripada Berklee [College of Music], saya- barulah saya pergi ke Kuala Lumpur. Masa itulah, tiada orang– saya kenal orang itu, orang itu tak kenal saya dan yang saya rapat pun dengan pelajar-pelajar yang sama dengan saya, yang balik ke Malaysia. Tetapi masing-masing memilih untuk bekerja di tempat lain. *So,* [jadi] apabila saya berjaya masuk ke RTM, di situ lah saya memulakan persahabatan dengan pemuzik-pemuzik tanah air dan merupakan– RTM [Radio Televisyen Malaysia] sebabnya jabatan penyiaran, peluang untuk akses ke dunia luar itu buka luas daripada situ lah. Saya membina jaring- jaringan persahabatan dan juga *networking* [rangkaian] dalam kerjaya saya. Pastu [selepas itu] – awalnya, (serentak dengan laungan azan) antara orang yang menjadi rakan– itulah yang-yang– arwah Adibah Noor yang saya masukkan dalam FB [Facebook] saya, antara orang awal yang berkawan dengan saya, yang kenal dengan saya, yang *partner* [rakan kongsi] atau pun ini– menjadi penyanyi saya dalam *band* [pancaragam] itu selain pada pemuzik ketika itu yang sama-sama– di zaman awal saya (berdehem).

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**BAHAGIAN 2: KERJAYA**

i. Pengalaman Pekerjaan Awal

SN : **Seterusnya, topik yang akan dibicarakan adalah tentang kerjaya Datuk. Boleh saya tahu - boleh saya tahu adakah kerjaya pertama Datuk selepas tamat pengajian adalah dengan RTM sendiri atau Datuk mempunyai pekerjaan lain sebelum bekerja dengan RTM?**

DM : Sekembalinya saya ke Malaysia pada tahun 1990, saya bekerja di hotel. Dapat bekerja di hotel kerana masa itu baru nak minta RTM [Radio Televisyen Malaysia], tetapi sebab saya dah pindah ke Kuala Lumpur, saya perlu mencari *income* [pendapatan] untuk menjalani kehidupan bermula sebagai penghijrahan awal saya ke Kuala Lumpur. Jadi saya bekerja di Hotel Federal [The Federal Hotel, Kuala Lumpur], Hotel Hilton masa itu di Kuala Lumpur sebagai pemain piano dan apabila saya diterima masuk ke RTM [Radio Televisyen Malaysia] maka– masih saya bekerja malam, cuma *part time* [separuh masa] dan saya rasa (berjeda) saya sempat bekerja selama 6 [enam] bulan (serentak dengan laungan azan). Saya balik daripada Boston [Amerika Syarikat], 6 [enam] bulan selepas itu baru lah saya masuk ke RTM [Radio Televisyen Malaysia] pada tahun yang sama. Apabila dibawa oleh salah seorang pemain muzik dalam band [pancaragam] yang saya masuk itu, dia kenal dengan pengarah muzik dan saya pun mengikut dia lah. Encik Johari Teh, seorang komposer, dia ketua *band* [pancaragam] saya ketika itu, jadi (menggosok mata) dia membawa saya untuk masuk ke RTM [Radio Televisyen Malaysia] dan seterusnya saya mendapat jawatan bermain piano ketika itu. Sempat 6 [enam] bulan *freelance* [bekerja bebas] sebelum saya *join* [menyertai] kerjaya tetap di RTM [Radio Televisyen Malaysia].

SN : **Seterusnya, boleh– untuk berapa lamakah Datuk mengambil masa untuk mendapatkan kerjaya pertama Datuk iaitu sebagai pemain piano di hotel tersebut selepas tamat belajar. Adakah ianya mengambil**

**masa yang lama?**

DM : Lebih kurang 2 [dua] bulan la [lah] juga. Saya habis sahaja selesai pengajian di Boston [Amerika Syarikat], saya balik duduk di kampung. Daripada di kampung itu lah saya cuba-cuba nasib apabila diminta datang ke Kuala Lumpur lepas dua bulan sebab saya tidak ada- orang kata apa- *networking* [rangkaian] masa itu. Tidak ada kawan yang boleh membantu. Jadi menerusi abang saya lah, masa itu dia *recommend* kan [mengesyorkan] saya kepada satu ketua *band* [pancaragam] dan selepas 2 [dua] bulan, saya meninggalkan kampung halaman, saya ke Kuala Lumpur untuk bekerja di Hotel Federal ialah hotel pertama di Jalan Bukit Bintang, bersama dengan Four Pieces band lah (mengangguk) .

ii. Kerjaya Bersama RTM

SN : **Tadi Datuk ada bercakap tentang bagaimana kerjaya Datuk dengan RTM [Radio Televisyen Malaysia] boleh bermula. Boleh saya tahu pada tahun berapakah Datuk mula berkhidmat di RTM [Radio Televisyen Malaysia]?**

DM : (berfikir) 1991– 1990 saya balik bulan Januari, Februari, Mac, April, Mei, Jun kerja hotel. Bulan Julai 90 [1990] saya masuk RTM [Radio Televisyen Malaysia] untuk bekerja- diterima masuk selepas saya menghadiri sesi temuduga ketika itu dan dapat masuk bekerja tetap lah. (serentak) Pada bulan Julai 1990 ya (mengangguk mengiyakan)

SN : **Berapa lamakah tempoh masa Datuk berkhidmat di RTM sebelum dilantik sebagai pengarah muzik?**

DM : Julai 90 [1990] masuk, 91 [1991] kahwin, 92 [1992], 93 [1993], 94 [1994] menjadi pemimpin orkestra, 95 [1995], 96 [1996] menjadi pengurus orkestra, 97 [1997], 98 [1998], (gangguan bunyi) 99 [1999] dilantik pengarah muzik. *So* [jadi] maknanya, 8 [lapan] tahun ataupun 9 [sembilan]

tahun lah daripada saya masuk melalui fasa pelbagai jawatan dalam orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] itu sebelum tahun 1999. *In fact* [sebenarnya] 1998, saya telah dilantik untuk menjalankan tugas dahulu sementara dilantik secara tetap nya pada tahun 1999.

SN : **Boleh saya tahu apakah tugas Datuk sebagai pengarah muzik di RTM?**

DM : Tugas saya ialah memimpin ataupun menguruskan orkestra tertua di Malaysia. Orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] adalah orkestra negara dimana telah melalui pelbagai fasa. Sudah berusia 61 [enam puluh satu] tahun. Tidak ada orkestra lain yang paling lama selain orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Jadi apabila satu satunya orkestra yang akses dengan badan penyiaran, maka tugasan pengarah muzik RTM [Radio Televisyen Malaysia] ialah menyelaraskan orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] itu supaya jadi orkestra nombor satu negara. Mu-kemunculannya di kaca tv [televisyen] dan di corong radio dengan persembahan-persembahan yang dapat memberikan hiburan yang- hiburan berma - hiburan yang sihat. Selalunya konsep orkestra di Malaysia ini walaupun dah lama tetapi orang baru lagi. Sebenarnya, orang-orang selalu melihat kepada– untuk orang elit semata - mata. Padahalnya, orkestra ini ialah muzik masyarakat. Jadi, kalau kita lihat orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] satu - satunya orkestra yang pergi ke segala pelosok rantau daripada Perlis sampai ke Sabah, Sarawak untuk membuat persembahan. *So* [jadi], tugasan saya mengendalikan ahli - ahli muzik bukan sahaja di ibu pejabat Angkasapuri [Bangunan Angkasapuri], saya akan tunjuk [tunjuk ajar] ahli-ahli muzik, kombo (kumpulan kecil ahli muzik terutamanya yg memainkan irama jazz) RTM [Radio Televisyen Malaysia] di kawasan - kawasan seluruh negara, di Pulau Pinang, orkestra-kombo RTM [Radio Televisyen Malaysia] kawasan selatan Johor Bahru [Johor], kombo RTM [Radio Televisyen Malaysia] kawasan timur, di Kuantan [Pahang], Sabah dan Sarawak. *So* [jadi], mereka ini akan bergerak aktif lah dibawah RTM [Radio Televisyen Malaysia] untuk membuat

persembahan di merata-rata tempat. Selain daripada itu, tugasan-tugasan negara kita pegang. 'Hari Kemerdekaan', 'Konsert Diraja', lagu tema hari merdeka, 'Sukan Sea', 'Sukan Komanwel' dahulu dan pelbagai. Apa sahaja yang berkaitan muzik, RTM [Radio Televisyen Malaysia] dibawah saya akan kendalikan.

SN : **Seperti yang Datuk sebutkan sebentar tadi, orkestra ini kurang mendapat perhatian masyarakat kerana ia dilihat untuk golongan elit sahaja. Jadi, apakah cabaran yang Datuk hadapi semasa Datuk mula-mula memulakan kerjaya Datuk sebagai seorang pengarah muzik di RTM?**

DM : Ya. Sebenarnya, orkestra kalau di luar negara, lain punya persepsi. Sebab mungkin negara- macam di US [United States], ia luas, ramai orang. *In fact* [sebenarnya] muzik ia pun macam itu. Tetapi negara Malaysia ini, industri muzik ia kecil. Ia lebih tertumpu kepada kemunculan artis, kemunculan *band-band* [pancaragam - pancaragam] yang lebih *commercial* [komersial]. Jadi orkestra ini disifatkan sebagai satu kelompok musici - *musician* [ahli muzik] yang bermain muzik di dalam dewan yang elit. Jadi, kita nak pecahkan persepsi itulah kerana kita menyediakan muzik orkestra yang bersifat lebih *commercial* [komersial]. Yang orang - orang biasa boleh terima sebab bila sebut orkestra, orang akan terbayangkan lagu - lagu klasik, lagu - lagu yang berat Beethoven, Mozart, Shostakovich segala. Tetapi apabila orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] muncul, selain daripada muzik yang berkonsepkan orkestra, kita akan seli- selitkan artis-artis apabila kita muncul. Sebabnya, orang Malaysia suka tengok artis. Meski daripada kemunculan orkestra itu sendiri. Jadi, kita guna kesempatan itu memperkenalkan juga orkestra bersama artis yang kita pilih. *So* [jadi], tidak lama lagi orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] akan muncul dalam siaran tv [televisyen] setiap dua bulan sekali. Sekarang ini kita [orkestra RTM] ada slot di radio. Setiap minggu kita akan muncul di radio. Tetapi kemunculan di radio itu hanya tempat mendengar. Sekurang -

kurangnya apabila di tv [televisyen], orang boleh tengok, secara *visual* [penglihatan]. *So* [jadi], itu dalam perancangan saya. Sebab kita ada kontrak Media City yang akan menempatkan tv [televisyen] baru untuk orkestra yang kita akan - bakal pimpinkan, daripada situlah saya akan gerakkan orkestra ini supaya lebih dilihat milik masyarakat Malaysia.

SN : **Sebagai seorang tokoh yang berpengalaman dalam - sebagai seorang tokoh yang berpengalaman dalam bidang muzik iaitu sebagai pengarah muzik, pada Datuk apakah elemen - elemen penting dalam menjayakan sesebuah orkestra?**

DM : Satu, kita mesti mendapatkan ahli muzik yang terbaik. Sebabnya, ahli muzik terbaik hanya– mampu untuk mendapatkan orkestra yang terbaik. Kalau dahulu, banyak orang *self - taught musicians* [pemuzik yang belajar sendiri]. Orang yang tidak pergi sekolah, belajar sendiri. *So* [jadi], cara persepsi mereka dalam dunia pekerjaan ini berbeza dengan sekarang. Sekarang ini, banyak universiti yang menawarkan kursus muzik. Baik UiTM [Universiti Teknologi Mara], ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan], UNIMAS [Universiti Malaysia Sarawak], UMS [Universiti Malaysia Sabah], mungkin ada kot [mungkin] di Ui - di - ya *of course* [sudah tentu] lah di UiTM dan sebagainya lah. Dan - UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris], USM [Universiti Sains Malaysia]. Mereka melahirkan ahli-ahli muzik yang– pelajar-pelajar muzik. Tetapi pelajar-pelajar muzik belum tentu lagi menjadi yang terbaik. Kerana muzik ini bukan sahaja pada kelulusan ataupun sijil *certificate* [sijil]. Bakat ialah antara faktor utama kerana sijil itu kita boleh lulus. Kita belajar, ia lepas daripada kehendak, kemahuan CGPA [Cumulative Grade Point Average] tertentu, GPA [Grade Point Average] tertentu, dia lulus lah. Tetapi, untuk menjadi seorang pemuzik yang terbaik, tidak semua mampu. Jadi, bagi saya baik itu bukan sahaja dari segi permainan. Disiplin. Disiplin bekerja. Misalnya datang awal, *be on time* [tepat pada masanya], sentiasa berusaha menjadikan dirinya pemuzik terbaik. Itu adalah faktor yang perlu ada

kerana ahli muzik ini kadang dia ada sikapnya sendiri. Kadang dia rasa dia yang terbaik, *so* [jadi] dia takmau [tidak mahu] nak berusaha. *So* [jadi], kita kena ingat- *even* [malah] saya walaupun dah berusia, saya masih lagi terus berlatih, menempatkan diri saya supaya relevan. Kerana *at anytime* [pada bila - bila masa] orang-orang muda– *of course* [sudah tentu] lah kita kena bagi inspirasi pada orang - orang muda tetapi sekurang-kurangnya kita meletakkan *level* [tahap] kita itu sama dengan pemuzik-pemuzik muda. Maknanya, kita tidak boleh ketinggalan dalam menimba ilmu, menimba teknologi-teknologi moden untuk kita terus relevan dalam industri muzik lah. *So* [jadi], bagi saya- berbalik kepada soalan tadi, ahli-ahli muzik terbaik adalah semua sekali, dapat menjadikan orkestra terbaik, permainan, terbaik disiplin, terbaik sifat, terbaik sahsiah diri dan apa sahaja lah yang boleh menunjukkan dia- ianya seorang pemuzik minda kelas satu.

SN : **Datuk ada sebutkan tentang pilihan pemuzik adalah sesuatu – elemen yang sangat penting. Bagaimana pula dengan bilangan pemain muzik yang diperlukan bagi setiap alat muzik yang diperuntukan dalam sebuah orkestra?**

DM : Orkestra kita pastinya ada keluarga, *family* [keluarga] dalam orkestra itu. Kalau dilihat, *section* [bahagian] bertali *section strings* [bahagian bertali], *section* [bahagian] tiupan *saxophone* [saksofon], alat-alat *woodwind* [tiupan kayu]. - - - - - *section* [bahagian]. Setiap orkestra, dia ada peruntukan. Macam [seperti] orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia], kita ada bilangan hampir 40 [empat puluh] orang untuk menduduki jawatan tetap. Jadi, kita akan ambil pemuzik terbaik untuk berada di sesi bertali, violin, biola, celo dan sebagainya juga alat-alat yang lain. Sekarang ini senang sebab ada banyak graduan, apatah lagi selepas pandemik ini banyak yang menganggur. Mereka perlukan pekerjaan. Jadi, kadang - kadang ahli-ahli muzik terbaik, mereka tidak ada kerja. Jadi– saya pun baru menyelesaikan urusan pengambilan, temuduga ahli-ahli muzik yang terbaik untuk melalui sesi temu duga. *So*[jadi], memang setiap orkestra ada peruntukan bilangan

ahli muzik yang boleh diambil (berdehem).

SN : **Seterusnya, sebagai– memimpin sebuah orkestra bukanlah sesuatu yang mudah. Bagaimana dengan persiapan atau persediaan Datuk sendiri sebel - yang dilakukan sebelum memimpin sebuah orkestra?**

DM : Apabila kita dipertanggungjawabkan– misalnya untuk hari merdeka ini, saya dipertanggungjawabkan untuk memimpin enam puluh lima *pieces* [keping]. Mengapa 65 [enam puluh lima]? Kerana merdeka tahun ini ialah tahun 65 [enam puluh lima] kita sambut. *So* [jadi], saya diberikan tugas, 65 [enam puluh lima] ahli muzik, 65 [enam puluh lima] ahli *choir* [koir] untuk buat persembahan di hari merdeka pada 31 Ogos. *So* [jadi], persiapan macam ini– itulah kita mengambil masa. Kita kena ada *working* [kerja], *dateline* [tarikh akhir], macam mana kita menggerakkan sebelum 31 Ogos tu, semua sudah siap sedia. Itulah cabarannya yang perlu kita hadapi. Yang pertama, sekarang ini memang cabaran lah, mencari enam puluh lima ahli muzik, mencari enam puluh lima ahli *choir* [koir]. Selepas itu, kita kena buatkan konsep persembahan, apa yang kita akan buat persembahan, artis apa yang kita akan gunakan. Misalnya merdeka ini, satu kita akan mainkan lagu-lagu patriotik. *So* [jadi] siapa yang boleh menyanyikan, siapa yang boleh buat persembahan. Itu semua, kita kena fikirkan lah. Misalnya kalau 'Konsert Diraja' pula, bila kita tau [tahu] tarikh itu, kita akan bergerak bermula dengan konsep persembahan, nak buat tradisional ka [ke], nak buat pop ka [ke] atau pun nak buat lagu-lagu yang (berjeda) lagu-lagu nostalgia ka [ke]. Pastu, [selepas itu] persiapan *stage* [pentas] kita kena tahu, *stage* [pentas] yang dapat memuatkan. Dekat mana persembahan, lokasi persembahan kemudian selepas itu masuk kepada sesi mengubah lagu yang dipilih. Selalunya konsep itu kita buat dalam 2 [dua] jam, 1.45 [satu jam empat puluh lima]. Apatah lagi konsert di RTM [Radio Televisyen Malaysia] itu dia *live* [secara langsung] tv [televisyen]. Itu lagi kena ambil kira banyak benda. Kiranya, kita tengok– walaupun konsert itu 1.30 [satu setengah jam] di tv [televisyen] tetapi persiapannya kadang-kadang

berminggu-minggu untuk menyiapkan. Orang tengok sekali sahaja lah. Orang tengok, selesai. Tetapi, kita yang berada dalam situasi itu, kita tahu lah perancangan kita tetapi sebab benda itu sudah biasa, saya selalunya bergerak mengikut *timeline* [garis masa] supaya tidak kelam kabut sebab bila dah ditetapkan siaran 31 Ogos, 25 atau 20 Ogos itu sudah bersedia sudah untuk kita muncul. Jangan lah semua nak buat 31 Ogos itu, memang kepincangan sebab 31 Ogos memang dah tak boleh ubah tarikh, itu tarikh merdeka yang kita ada. *So* [jadi], perancangan itu kita buat awal supaya tidak terjejas sebab orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] ialah orkestra yang muncul untuk orang-orang mai [datang] tengok. *So* [jadi], kita kena berjaga-jaga lah daripada segi itu supaya keluarnya di skrin, keluarnya di lokasi adalah yang terbaik.

SN : **Datuk bagitau [beritahu] banyak persiapan dan persediaan yang dilakukan sebelum memimpin orkestra. Sebagai seorang pemuzik yang memimpin orkestra, apakah cabaran Datuk dalam menghadapi– yang Datuk hadapi dalam mewujudkan harmoni yang sempurna?**

DM : Daripada awal lagi, kita mesti pastikan pengubah lagu telah pun membuat satu gubahan yang terbaik. Kalau kita sebagai pemimpin orkestra kita rasa kepincangan berlaku di situ, kita boleh membuat teguran, membuat penambahbaikan. Jangan kita ambil sahaja apa yang orang buat, kita- orang kata apa- kita hidangkan kepada penonton, tidak boleh. Sebagai pengarah muzik, kita ada hak untuk menentukan tahap kualiti persembahan orkestra itu sendiri. *So* [jadi] bagi saya, saya mementingkan sangat kualiti kerana sekarang ini netizen [warga internet] dah bebas hendak komen, dia tidak macam dulu. Dahulu kalau orang tengok tidak sedap pun, dia hendak komen dekat mana, dekat jiran dia jelah [sahaja lah]. Sekarang dekat media sosial dia boleh *upload* [muat naik], dia boleh komen, dia boleh *smash you,* [menghentam awak] dia boleh hentam itu sampai kita terduduk. *So* [jadi] sebelum kena *smash* [hentam] itu, kita kena *smash* [hentam] orang kita dulu supaya membuat persembahan yang terbaik.

SN : **Datuk telah memimpin orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] di pelbagai konsert kerajaan dan gala yang berprestij. Apakah konsert kerajaan atau gala yang paling meninggalkan kesan kepada diri Datuk sepanjang perjalanan karier Datuk?**

DM : Kalau boleh dilihat dalam Youtube, 'Simfoni Putrajaya' yang telah pun memenangi Malaysia Book of Records sebagai 'The Largest Symphony For Outside Broadcast' maknanya simfoni terbesar di pentas terbuka. Kalau kita lihat *stage* [pentas] nya tidak ada bumbung. Itu satu percaturan yang sangat *risky* [berisiko] lah. Kalau hujan macam mana, memang tidak boleh buat persembahan lah. Konsert itu meninggalkan kenangan kerana hari persembahan ia hujan. Petang– malam nak *live* [siaran langsung] seharusnya, petang itu ia hujan. Dalam pelbagai konsert di pentas terbuka, kita menggunakan khidmat pakar, pakar tolak hujan. Itu masuk dalam bajet. Sama juga dengan konsert merdeka, kita cuba lah, usaha kan dia pun guna kekuatan Tuhan juga. Tetapi untuk konsert 'Simfoni Putrajaya', pelbagai cara telah pun diusahakan, memang tidak hujan. Tetapi hari *show* [tayangan] ia hujan. Bila hujan, keadaan memang kelam kabut pada pukul empat petang itu. *So* [jadi], live [siaran langsung] pada pukul sembilan malam. Bayangkan semua barang-barang telah ditolak ke tepi, daripada pukul empat petang, pukul enam petang hujan berhenti. Tetapi basah *stage* [pentas] dan sebagainya, semuanya ditolak ke tepi, apa yang sempat lah. Tetapi terpaksa diaturkan daripada 6 [enam] petang sampai 9 [sembilan], 3 [tiga] jam nak selesaikan. Sebabnya, saya cuba nak membatalkan siaran langsung tetapi dihalang oleh menteri ketika itu, Datuk Haji Maideen. Dia kata "we have to go on live, we've promised the rakyat Malaysia, tidak boleh ubah lagi." Dia kata ayat itu. Risiko lah. Alhamdulillah. Kalau kita lihat dalam Youtube, semuanya berjalan lancar seolah-olah tidak ada kekangan yang berlaku. Itu 'Simfoni Putrajaya'. Selain daripada itu, peluang untuk saya membawa orkestra ke Java Jazz Festival di Indonesia, saya menjadi orkestra pertama daripada Malaysia yang buat persembahan di Java Jazz. Itu meninggalkan kesan yang cukup kepada orkestra dan juga

saya sendiri. Selepas daripada itu, *of course* [sudah tentu] lah untuk diri saya, saya *travel* [melancong] ke China untuk persembahan piano termasuklah memecahkan rekod di atas *Great Wall of China* [Tembok Besar China], bermain piano. Itu antara- antara kenangan manis yang dapat saya lakukan selama 21 [dua puluh satu tahun] bersama RTM [Radio Televisyen Malaysia].

SN : **Seperti yang Datuk bagitau [beritahu] tadi, konsert kerajaan dan gala yang paling meninggalkan kesan adalah 'Simfoni Putrajaya'. Apakah perasaan Datuk ketika dapat memimpin orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] dalam program pertukaran ASEAN [Association of Southeast Asian Nations] bersama negara lain serta mengendalikan tujuh puluh enam keping orkestra untuk 'Simfoni Putrajaya'? Apakah perasaan Datuk ketika itu?**

DM : Apabila diberikan tanggungjawab, seperti saya kata, saya berani mencuba. Walaupun saya tengok memang banyak kata-kata negatif yang memberikan kalau ini, kalau ini, kalau– banyak sangat kalau. Jadi saya tidak suka yang 'kalau', saya tahu apa yang saya buat, saya yakin. Begitu juga dengan kunjungan kita ke negara-negara ASEAN [Association of Southeast Asian Nations]. *Standard* [ukuran/piawai], kadang-kadang orang ASEAN [Association of Southeast Asian Nations] itu tinggi. Orkestra nya orkestra bertahap *international* [antarabangsa]. Tidak kurangnya dengan RTM [Radio Televisyen Malaysia], kita meletakkan ahli muzik terbaik yang mampu berdiri sama tinggi. Cabaran itu ialah menyatukan orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] pergi ke Singapore, pergi ke Indonesia, bagaimana kita bersama-sama dengan ahli muzik yang pelbagai latar belakang. Tetapi, *music is international language* [muzik ialah bahasa antarabangsa] bahasa antarabangsa, kita dapat satukan dalam waktu yang singkat, kesemua ahli muzik itu. Selain daripada itu, konsert 'Gemilang 50 RTM'. Orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] menyambut 50 [lima puluh tahun] orkestra ulang tahunnya yang ke 50 [lima puluh] baru-baru ini

sahaja, tahun lepas tahun ke 60 [enam puluh] kita sambut. So, [jadi] itu antara detik-detik manis yang kita dapat persembahkan. Tetapi macam saya cakap, ahli muzik terbaik yang membantu menjadikan orkestra itu orkestra terbaik kerana ahli muzik bila sebut profesional, mereka adalah profesional dalam segala segi.

SN : **Datuk- datuk telah memimpin orkestra selama bertahun-tahun. Apakah perke- perubahan ketara yang Datuk perhatikan setelah lebih dua puluh tahun memimpin orkestra tertua di Malaysia?**

DM : Perubahan ketara ialah ahli muzik baharu. Walaupun orkestra tertua, tetapi semuanya muda daripada segi umur. Orkestra itu sahaja yang tua daripada segi lamanya berada di dalam RTM [Radio Televisyen Malaysia] tetapi ahli-ahli muzik yang berada di situ bertukar ganti dan yang bezanya dulu ialah kebanyakannya orang-orang lama, orang-orang yang agak berusia berada dalam orkestra. Sekarang ini, semua orang-orang baru. *In fact* [sebenarnya] lagu yang kita persembahkan dah agak terkini, - - - - - , dengan lagu-lagu penerimaan sekarang lah. So [jadi], itu yang meletakkan orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] sentiasa relevan sepanjang masa.

SN : **Seterusnya, adakah perubahan tersebut memerlukan penambahbaikkan atau pun bagi Datuk ianya sudah cukup seperti sediakala? Bagi pendapat Datuk?**

DM : Kita kena terus membuat penambahbaikkan melihat kepada apa kemahuan masyarakat di luar. Masyarakat yang mendahagakan pelbagai– tetapi dalam masa yang sama, kita tidak boleh sangat mengikut kehendak masyarakat. Masyarakat ini kadang-kadang dia menyeleweng daripada segi penerimaan lagu. Dia tidak ada arah tuju kerana dia bebas memilih di jarinya dalam Youtube pelbagai– tetapi sebagai seorang pemuzik yang berpendidikan, kita mesti melatih, inilah muzik yang bagus. Muzik yang perlu didengar, perlu

dihayati dan akan kekal lama sebab kebanyakan lagu-lagu sekarang ini, ada lagu yang bagus tetapi ada lagu yang dia untuk masa ini sahaja, *trend* [arah aliran] terkini selepas itu hilang. *So* [jadi], tanggungjawab RTM [Radio Televisyen Malaysia] lah dalam orkestra nya untuk mendidik masyarakat menerima muzik dan hiburan yang sihat. (mengangguk)

SN : **Bagaimanakah Datuk mengekalkan prestasi Datuk sebagai seorang anak seni yang masih bergiat aktif dan relevan hingga sekarang walaupun dengan kehadiran bakat-bakat baru?**

DM : Saya sentiasa berusaha untuk menjadi yang terbaik kerana saya tidak mahu ketinggalan terutamanya apabila menjadi pengarah muzik, saya akan menjadi *benchmark* [penanda aras], *reference* [rujukan]. Saya akan menunjukkan saya kalau bukan yang terbaik, antara yang terbaik, dapat terus membuat persembahan, tidak ketinggalan zaman dan dapat muncul sebagai pensyarah muzik dan juga sebagai juri yang dijemput seperti menjadi ketua juri di 'AJL' [Anugerah Juara Lagu], pengkritik 'Gegar Vaganza' dan lain-lain tugasan yang saya berada di mana-mana juga menjadi inspirasi untuk anak-anak muda. *So* [jadi] bagi saya, saya masih terus menerima jemputan untuk membuat persembahan sekarang ini dan saya yakin, muzik yang saya ketengahkan ini ialah muzik-muzik yang - - - - -, tidak ketinggalan. Dalam masa yang sama, *of course* [sudah tentunya] saya kena *educate* [mendidik] pendengar, *educate* [mendidik] pelajar-pelajar, *educate* [mendidik] mereka yang ingin menjadikan kerjaya muzik ini sebagai kerjaya profesional melalui pendekatan yang kita lakukan dengan- orang kata apa- *reaching out program* [program mendekati / menjangkau]. Orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] pergi ke *campus* [kampus], pergi ke sekolah-sekolah.

SN : **Seterusnya, sebagai seorang yang berpengalaman dalam bidang muzik, bagaimanakah Datuk berinteraksi dengan para junior**

**daripada bidang yang sama?**

DM : Kita kena duduk, melihat, bermain– duduk bersama, bermain, *perform* [persembah] bersama dengan mereka. Kita jangan jadikan ada jurang, pemisah, kita pemuzik senior kita lagi bagus, Tak macam itu. Sebagai pengarah muzik, kita kena turun padang selalu, memberi inspirasi, menunjukkan kepada mereka kita pun masih peringkat berusaha menjadi yang terbaik. Sebab pemuzik ini, dia akan sampai satu peringkat yang dia malas, sebab kadang-kadang dia rasakan dia yang terbaik. Sudah cukup lah, dia tak nak berganjak. *So* [jadi] saya telah menunjukkan kepada mereka, saya mampu untuk pergi ke peringkat antarabangsa, pergi ke China, pergi ke mana-mana pelosok dunia membawa muzik saya dan sekurang-kurangnya itu dapat memberi inspirasi kepada anak-anak muda. Kalau tak mencontohi saya pun, *at least* [sekurang-kurangnya] gunakan kesempatan untuk terus kekal relevan tanpa mengira usia.

iii. Penglibatan Sebagai Pengubah dan Pencipta Lagu

**KNA : Datuk dilihat sangat aktif sebagai seorang yang terlibat dalam industri muzik dan Datuk juga aktif sebagai pengubah dan pencipta lagu yang telah mencipta banyak lagu - lagu terkenal negara. Boleh Datuk senaraikan antara lagu - lagu yang telah Datuk cipta?**

DM : Saya terlibat dengan mencipta lagu - lagu tema hari kebangsaan iaitu pada tahun 1995, 96 [1996], 97 [1997], 98 [1998] and then [kemudian] 2000. Pastu [Selepas itu], saya menjadi pengerusi lagu tema, saya bagi peluang kepada orang lain lah. Kepada Pak Ngah- Datuk Suhaimi Mohd Zain- arwah Datuk Suhaimi untuk mencipta lagu 'Keranamu Malaysia' kemudian kita keluar 'Jalur Gemilang' dan seterusnya saya bergiat kembali sebagai pencipta lagu patriotik ini pada tahun 2020 dengan lagu 'Malaysia Prihatin' nyanyian Ernie Zakri. Tahun 2021, saya kembali lagi dengan lagu 'Menang Bersama' nyanyian Faizal Tahir. Dan selain daripada itu, saya terlibat dengan lagu - lagu album *commercial*

[komersial]. Album yang dinyanyikan oleh Azharina Azhar, album dari album Mawi, album Saleem- arwah Saleem juga daripada beberapa penyanyi tanah air. Tetapi saya terlibat sebagai - - - - - untuk bermain dalam album mereka.

KNA : **Antara lagu - lagu tersebut, apakah lagu pertama yang Datuk cipta sendiri?**

DM : (ketawa) Lagu pertama yang saya cipta, saya masuk pertandingan-pertandingan mencipta lagu tahun 19- (berfikir) sembilan pu- 1984. Pertandingan lagu– lagu pertama yang saya cipta ialah tahun 1981 untuk 'Senandung Kanak - Kanak', program radio lah. Pastu [selepas itu], saya dapat masuk ke *final* [akhir] 1984 dengan lagu patriotik anjuran RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Seterusnya, tahun 1990 saya dapat johan mencipta lagu 'Merdekarama'. Itu antara detik awal lah saya terlibat dalam penciptaan lagu.

KNA : **Bagaimana pula dengan lagu atau genre yang menjadi kegemaran– menjadi kegemaran Datuk?**

DM : Kekuatan saya ialah lagu– lagu-lagu jazz. Tetapi di Malaysia, saya kena– orang kata apa– jadi pemuzik yang boleh mempelbagaikan lagu-lagu kerana irama jazz itu hanya waktu tertentu sahaja. Mungkin dekat Java Jazz [Java Jazz Festival] tetapi di sini kita kena pelbagaikan. Tetapi saya dapat pendedahan awal pada lagu tradisional masa kecil. Jadi saya takdak [tiada] masalah lah walaupun saya balik daripada Boston [Amerika Syarikat] dengan kekuatan lagu-lagu jazz tetapi apabila masuk RTM, [Radio Televisyen Malaysia] saya kena *versatile* [serba boleh]. Tradisional kena main, lagu-lagu hip-hop, lagu pop, lagu balada, pelbagai lagu baik Chinese [cina], lagu-lagu cina, tionghoa, tamil pelbagai itu sebahagian daripada apa yang tengah kita lalu– lalui lah. *So, to be good* [Jadi, untuk menjadi baik] (berdehem) duduk dekat Malaysia

ini, *you* [awak] kena *versatile* [serba boleh], kalau nak hidup cari makan lah. Sebabnya macam saya kata, industri kita tidak besar. Kalau kita asyik nak buat jenis - jenis muzik yang kita suka sahaja, *at the end of the day* [pengakhirannya] atau penghujungnya, kita kena- hendak kena bayar bil, hendak – hendak menjana pendapatan, -- kena jadi apa- pensyarah muzik. Jadi, itu ialah benda-benda yang dapat merelevan kan diri kita dalam industri. *So* [jadi], jangan buat satu kerja jelah [sahaja lah].

KNA : **Tadi Datuk ada menyebutkan yang lagu pertama yang Datuk cipta ialah untuk program radio kanak-kanak.**

DM : Ya.

KNA : **Apakah yang menjadi inspirasi Datuk untuk mencipta lagu tersebut pada kali pertama?**

DM : Saya guru muzik masa itu. Guru muzik dia *deal* [mengurus] dengan kanak-kanak, dengan murid-murid. Jadi, mungkin itu lah yang memberi inspirasi sebab kalau dengan kanak-kanak ini, dia *simple* [ringkas], dia *straight forward* [jelas dan mudah]. Jadi, saya pun hantar lah– cuba hantar ke radio dan alhamdulillah telah pun diterima untuk– orang kata apa- segmen rancangan lagu kanak-kanak dan seterusnya masuk ke *final* [pusingan akhir] pada– Senandung Kanak - Kanak pada tahun 84 [1984] itu juga lah. Semasa saya dapat dengar lagu patriotik, itu pun tahun 84 [1984], tahun yang sama. *So* [jadi], mungkin pembabitan saya dengan sekolah itu lah yang memberikan satu inspirasi untuk mencipta lagu kana-kanak.

KNA : **Secara umumnya, berapakah tempoh masa yang Datuk perlukan untuk menyiapkan sesebuah lagu?**

DM : Melihat kalau-kalau lagu *commercial* [komersial] misalnya saya besa [biasa] mencipta lagu untuk Azharina [Azharina Azhar] album ya, lagu

Saleem tak ambil masa yang lama. Buatkan melodi dalam 2 [dua] hari, 3 [tiga] hari. Tetapi kalau buat naskhah yang *masterpiece* [karya agung] ambil masa 3 [tiga] minggu lah juga. Menyiapkan melodi itu tak sesukar membuatkan gubahan. Buat gubahan itu yang melibatkan orkestra yang besar cumanya, kadang-kadang saya bekerja dalam keadaan yang tertekan. Misalnya tahun 2021, saya diberi masa sepuluh hari untuk siapkan semua daripada A sampai Z. Lagu tema hari kemerdekaan, lagu 'Menang Bersama', kalau kita tengok dalam itu [YouTube] ada dinyanyikan oleh Faizal Tahir. Mungkin agak singkat masanya, dengan hendak suruh orang tulis lirik, dengan hendak buat gubahan dan sebagainya. Tetapi apabila bekerja dengan tertekan, maka- kadang dia jadi lagi laju daripada keadaan kita ambil kita punya *own sweet time* [masa manis sendiri].

KNA : **Selain daripada mengubah lagu dan sebagainya, Datuk juga turut menulis lirik-lirik untuk rakan-rakan artis terkenal. Siapakah rakan artis yang telah menerima penulisan lirik lagu daripada Datuk?**

DM : Saya tidak pernah terlibat sangat penulisan lirik ini. Cumanya, kebanyakan lirik saya ditulis oleh Habsah Hassan, Datuk Habsah Hassan. Lirik dibuat oleh Siso dan juga beberapa penulis lirik lain. Cumanya, saya bagi *guide* [panduan] sahaja. Lagu yang saya cipta ini, apa yang saya kehendaki sebabnya penulisan lirik bukan bidang saya. Saya lebih kepada penulisan lagu, melodi dia.

KNA : **Secara umumnya, bagaimana Datuk dapat berkolab– berkolaborasi atau berkomunikasi dengan rakan artis dalam penciptaan lagu itu?**

DM : Kalau dilihat penglibatan saya dalam pelbagai, saya berada di merata tempat. Selain RTM [Radio Televisyen Malaysia], saya berada di TV3 untuk program 'Anugerah Juara Lagu' pastu [selepas itu] saya berada di Astro untuk program 'Gegar Vaganza'. Jadi, saya bercampur dengan

ramai artis. Apabila kita jadi– bercampur dengan ramai artis, artis itu jadi kenalan kita. Kenal artis itu, senang kita bekerjasama. Macam Syamel dan Ernie [Ernie Zakri], *anytime* [bila-bila masa] *call* [hubungi] ja [sahaja] "tolong.", dia tolong. Adibah Noor, arwah *anytime* [bila-bila masa] *call* [hubungi] ja tolong. Macam tahap orang macam– yang lain yang sibuk itu memang tidak lah, setengah itu. Dahulu. Aina Abdul pun senang. Arwah Siti Sarah, saya biasa minta tahun 2020 tetapi masa pandemik itu semua orang tidak ada kerja, jadi senang lah tolong. Tetapi bila selepas itu, masing-masing sibuk dengan konsert, artis-artis yang– orang kata apa– banyak *show* [program] dan sebagainya. Tetapi senang lah saya bekerjasama kerana saya– satu, saya menyediakan satu platform untuk mereka menyanyi dan keluar di tv [televisyen]. Siapa yang tidak mahu keluar tv [televisyen], keluar radio. Jadi dia tahu ke mana arahnya sebab dia bukan suka-suka kita buat lagu tema ini, untuk keluar di tv [televisyen], untuk bagi *public* [orang ramai/umum] dengar. *So* [jadi] satu *mileage* [mata tambahan] kepada dia. Jadi senang lah saya bekerjasama (mengangguk).

KNA : **Dalam banyak-banyak lagu atau pun melodi yang Datuk cipta, yang mana yang paling Datuk gemari sekali?**

DM : Tahun 2020, saya paling suka lagu 'Malaysia Prihatin'. Tahun 2020 lagu tema sebab saya menukarkan satu transformasi daripada keadaan biasa kepada satu keadaan yang orang dengar lain kerana dia menggabungkan 3 [tiga] orkestra terkenal Malaysia, orkestra- 'Malaysian Philharmonic Orchestra', 'Orkestra Simfoni Kebangsaan' dan 'Orkestra RTM' [Radio Televisyen Malaysia]. Saya menjadi orang yang pertama menggabungkan ketiga-tiga orkestra itu 1 [satu] naskhah *masterpiece* [karya agung] saya 'Malaysia Prihatin' yang menjadi lagu tema dan saya mendapatkan khidmat Ernie Zakri untuk suara soprano nya, khidmat *choir* [koir] dan sebagainya menjadikan lagu itu mendapat tempat– kalau kita tengok, dapat komen daripada sampai ke Benua Eropah yang

buatkan satu– orang kata apa– komen yang sekarang lah– selalu ini yang selalu orang buat sekarang. Selain daripada itu, dia menjadi latar belakang kepada beberapa dokumentari *international* [antarabangsa]. *Of course* [sudah tentu] lah satu-satunya peluang yang ada ketika itu, masa pandemik orang tidak bekerja, saya mengambil satu kesempatan pada itu untuk menggabungkan kesemua orkestra terbaik Malaysia. Bagi saya itu lah naskhah yang paling saya suka sekali lah (bunyi meja).

KNA : **Perjalanan Datuk dalam bidang muzik cukup panjang dan mempunyai pelbagai pengalaman yang telah Datuk tempuhi. Selain daripada apa yang Datuk telah ceritakan, apakah pengalaman yang-pengalaman manis yang dapat Datuk kongsikan bersama dengan kami?**

DM : Sudah tentulah apabila saya mendapat peluang untuk menjadi duta piano (berdehem). Malaysia Book of Records memberi pengiktirafan pertama, 'The First Malaysian to be International Music Ambassador. Pastu [selepas itu], saya pun *travel* [melancong] ke semua- hampir ke pelosok negara China untuk mengajar, memberi kelas dan seterusnya membuat persembahan. Sehinggalah saya memecahkan rekod bermain (bermain piano) di Tembok Besar China dan saya dapat peluang untuk memecah kebuntuan negara China yang kebanyakannya ahli muzik *classical* [klasik]. Saya diminta pergi sana untuk menukarkan minda mereka supaya tidak ter- terlalu (isyarat tangan) kepada satu jenis muzik. Sebab negara China, seperti yang kita tahu adalah negara yang pemerintahannya bukan macam negara lain. Dia (China) takda [tidak ada]-- internet dia (China) tidak macam kita. Facebook dia (China) bukan ada, YouTube pun bukan ada. *So* [jadi] , dia (China) kebanyakannya dia (China) berada di ruang lingkupnya yang terhad. Tugas saya disana adalah untuk menukar minda mereka. Pengalaman manisnya dapat membuat konsert siri di Beijing, di Shanghai, di Liuzhou, di Guangzhou dan juga di Harbin dan banyak tempat-tempat

sampai ke kampung-kampung di China itu saya sudah sampai untuk menyebarkan muzik saya. Dan seterusnya *share* [kongsi] dengan pemuzik - pemuzik China. *So* [jadi], itu ialah satu peluang dan- yang saya rasa terbaik dalam pencapaian saya. Dapat *travel* [melancong] menjadi duta. Satu peluang yang tidak akan datang lagi lah.

KNA : **Melalui platform *social media* [media sosial] Datuk dilihat gemar memainkan alat muzik piano. Kerjaya manakah yang Datuk mahu lebih dikenali. Adakah sebagai maestro ataupun pemain piano?**

DM : Kekuatan saya adalah piano, kerjaya saya adalah pengarah muzik. Keduanya berjalan seiringan. Cumanya apabila saya ada- berada di atas pentas, kerjaya sebagai pengarah muzik agak– orang kata apa– saya tidak boleh lagi bermain piano, saya hanya boleh ber– *conduct* [mengendalikan] orkestra sebab yang kerjaya piano saya di RTM [Radio Televisyen Malaysia] itu agak terhad kerana sudah menjadi pengarah muzik, buat apa nak pergi main piano lagi. Tetapi, hakikatnya saya masih seorang pemain piano. Jadi di luar masa pejabat, peluang untuk saya berinteraksi dengan *followers* [pengikut] saya adalah melalui *social media* [media sosial] kerana takkan [tak akan] hari-hari kita nak pergi buat *show* [persembahan] dekat luar. Jadi kalau kita buat *show* [persembahan] dekat luar pun terhad, kadang-kadang penonton yang datang itu untuk– yang datang untuk– tetamu untuk majlis tertentu sahaja. Jadi cara yang paling senang sekarang menemui peminat atau pun *followers* [pengikut] saya melalui *social media* [media sosial]. Saya ada studio saya dalam rumah dan saya ada kamera dan saya ada *set* [tetapan] untuk saya *share* [kongsi]. Kalau rajin saya bercakap, saya bagi *talk* [ceramah], kalau tidak hanya fokus kepada persembahan. *So* [jadi], daripada situ saya rasa saya lebih dikenali kerana saya dah pun bertugas 31 [tiga puluh satu] di RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Kadang-kadang RTM [Radio Televisyen Malaysia] itu orang tak [tidak] nampak sangat sebab mereka lebih kepada *social media* [media sosial]

sekarang ini. *So* [jadi] yang konvensional sekarang ini dia tidak berapa nampak. *So* [jadi], saya rasa itu peluang, saya gunakan kesempatan teknologi terkini yang ada sekarang untuk saya. Saya rasa sekurang-kurangnya saya boleh *share* [kongsi] dengan *followers* [pengikut] saya setiap hari, setiap masa, di mana sahaja. Itulah kadang-kadang saya pergi ke gerai itu, ada orang kata "saya *friend* [berkawan] dengan DM." *Okay* [baiklah] maknanya sampai lah apa punya itu– . Jadi, itu adalah cara-cara terbaru untuk kita kekal relevan dalam industri menggunakan teknologi. (mengangguk)

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3: SUMBANGAN / PENCAPAIAN**

SN : **Seterusnya, soaran– soalan akan beralih kepada sumbangan dan pencapaian Datuk. Datuk telah menerima pelbagai anugerah daripada sumbangan– daripada sumbangan Datuk kepada negara. Boleh Datuk kongsikan antara anugerah yang diingati sepanjang karier muzik Datuk?**

DM : Satu, saya menjadi pengarah muzik dalam gred– satu-satunya di Malaysia, pengarah muzik yang bergred JUSA [Jawatan Utama Sektor Awam], jawatan utama sektor awam. Saya diberikan kualiti khas untuk menyandang, jadi saya diberikan gred tersebut atas– mungkin dilihat kepada khidmat dan juga khidmat bakti saya yang telah saya keluarkan. Jadi mendapat satu-satunya pengarah muzik dalam gred yang tertinggi dalam jabatan kerajaan. Tahun 1999, saya mendapat anugerah 'Datuk' yang pertama dalam usia saya 37 [tiga puluh tujuh] tahun. Kemudian dalam tahun 2002, saya mendapat anugerah 'Datuk' kedua melalui Pahang dan juga yang ketiga sekali lagi di negeri Perlis, selepas saya balik daripada China, saya dah dapat 'Malaysia Book of Records' dan sebagainya memberikan 'Dato' yang ketiga dan akhirnya sebelum saya bersara tahun lepas, saya mendapat pengiktirafan daripada negara iaitu 'Datuk' daripada Agong, daripada Duli Yang Amat Mulia Sri Paduka Baginda Agong [Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah] untuk 'Datuk' saya yang ke-empat. Jadi bagi saya, itu semua adalah satu– saya anggapkan sebagai satu rezeki maknanya orang melihat kepada pencapaian kita. Kadang kita tidak berharap sangat kepada anugerah ini tetapi dah rezeki nak dapat, kita ambil sahaja lah sebab kita minat dengan apa yang kita buat dan saya rasa– kadang-kadang kita buat itu bukan semata-mata untuk orang tengok, tetapi sebab atas minat kita buat dan Alhamdulillah orang memerhati dan orang bagi pengiktirafan. Itu jelah [sahaja lah].

SN : **Selain itu, Datuk juga turut menyumbangkan beberapa lagu kebangsaan kepada negara seperti lagu untuk hari kebang-kebangsaan dan tema 1Malaysia. Bagaimanakah penerimaan Malaysia terhadap lagu - lagu tersebut?**

DM : Ya. Setiap tahun masyarakat akan menunggu naskhah macam tahun ini. Apa lagu yang akan keluar? Sebabnya lagu tema ini ia akan dinyanyikan oleh sekolah- sekolah, daripada yang kecil sampai sekolah menengah, orang ramai dan ianya macam lagu hari raya. Ia berkumandang dan bagaimana menghasilkan satu lagu ini meninggalkan kesan kepada rakyat Malaysia. Kalau kita lihat lagu ciptaan Pak Ngah cukup meninggalkan kesan. 'Keranamu Malaysia', 'Jalur Gemilang, ramai orang yang menyanyi. *So* [jadi], lagu patriotik ini tidak macam lagu raya. Lagu raya ia ada musim raya, lagu patriotik ini semangat patriotik itu sepanjang masa ada. Macam lagu raya, kita tidak pasang lagu raya bulan disember. Hari Krismas mana ada keluar lagu raya. Mesti *time* [masa] raya sahaja. Lagu patriotik ini sepanjang masa. Tetapi bagaimana, kita mencipta lagu patriotik dalam era terkini, era sekarang supaya anak - anak muda–. Itu yang saya (batuk) selalu fikirkan. Saya tidak boleh cipta lagu yang sudah lama, yang kuno, yang *outdated* [ketinggalan zaman]. Orang sudah takmau [tidak mahu] dengar. *So* [jadi], menghasilkan karya terbaru dengan penyanyi top [bahagian teratas], Faizal Tahir, Ernie Zakri. Saya rasa itu ialah satu cara untuk ia menebus masyarakat Malaysia.

SN : **Datuk merupakan tulang belakang 'Malam Simfoni Irama Malaysia' 2006 dan 'Konsert Jazz Tribute to Malaysia' [Malaysian] yang pertama seumpama di negara ini. Adakah Datuk merasakan bahawa sumbangan Datuk ini telah membuka genre muzik dan irama Malaysia baru kepada negara kita?**

DM : Saya melihatnya sebegini, dahulu kalau kita lihat semasa tv [televisyen] hitam putih, semasa zaman ibu - bapa adik - adik, ada konsert 'Malam Irama Malaysia'. Jadi, itulah inspirasi yang menyebabkan saya tergerak untuk menerbitkan– tahun 2006 itu mementaskan 'Malam Simfoni Irama Malaysia' yang saya rasa dapat memberi pengiktirafan kepada komposer. Bukan kepada penyanyi, penyanyi itu cuma pengiring. Jadi, komposer ialah orang belakang tabir. Sebenarnya orang tidak tahu, orang nampak penyanyi, orang lupa siapa komposer. Jadi, begitu dengan 'Konsert Jazz Tribute to Malaysian Composer', saya lebih mengutarakan komposer atau penulis lagu, atau penulis lirik kerana mereka tidak mendapat pengiktirafan. Jadi saya– melalui program-program konsert seperti itu, saya memberikan pengiktirafan kepada mereka. Supaya mereka dapat dikenali di khalayak.

SN : **Pada tahun 2015, Datuk melakar sejarah di persada antarabangsa sebagai pemain muzik pertama Malaysia yang membuat persembahan di Tembok Besar China. Apakah yang Datuk persembahkan ketika itu?**

DM : Saya memainkan– kalau dalam YouTube lagu 'Getaran Jiwa'. Apabila saya dapat peluang pergi ke Beijing pada tahun itu, saya telah pun memaklumkan kepada Malaysia Book of Records, "boleh tak saya mahu pecahkan rekod", tetapi saya kena- kena semak dulu takut ada rekod yang telah pun- telah pun ada dahulu. Jadi tidak guna kita mahu buat- mahu pecahkan rekod. Apabila dia Malaysia Book of Records memberikan *green light* [keizinan], maka saya pun berusahalah dengan mengadakan persembahan, (gangguan sambungan internet), rakaman lagu 'Getaran Jiwa' dan seterusnya saya melahirkan CD [compact disc] saya yang kedua, instrumental 'The Great Wall Comes Alive' yang saya telah pun banyak terjual di negara China semasa saya buat persembahan itu. *So* [jadi], bagi saya itu satu kenangan yang cukup manis dapat membuat persembahan di negara China di Tembok Besar China dan

seterusnya memecahkan rekod Malaysia.

SN : **Bagaimanakah kesan persembahan tersebut terhadap industri muzik memandangkan persembahan itu diadakan di sebuah negara asing?**

DM : Ia mendapat liputan besar-besaran di akhbar 'Star' dan juga video itu terus dapat dilihat sehingga sekarang. Dan seorang– *yes* [ya] harap ia memberi inspirasi yang mana saya datang daripada kampung mampu untuk berada di peringkat antarabangsa dan saya yakin ia banyak memberi inspirasi. Kerana jalannya tidak mudah untuk berada dalam situasi tersebut. Cumanya, mungkin peluang itu lebih terbuka kepada saya mendapat undangan untuk- untuk membuat konsert sebagai duta piano di sana. *So* [jadi], benda itu- macam saya kata peluang yang datang ketika itu yang saya perlu *grab* [sambar] peluang itu.

SN : **Seterusnya, apakah penghargaan atau anugerah terbesar yang Datuk perolehi sebagai pemuzik negara daripada kerajaan Malaysia?**

DM : Saya– penghargaan daripada kerajaan itu– yang terbesar tahun lepas lah diberikan pengiktirafan sebagai 'Anugerah Panglima Jasa Negara' yang membawa kepada gelaran 'Datuk'- D-A-T-U-K. Itulah anugerah yang paling tinggi yang diberikan oleh kerajaan Malaysia kerana kebanyakannya diberikan kepada tokoh-tokoh politik atau pun tokoh-tokoh perniagaan dan sebagainya. Tetapi saya merasakan itu sebagai pengiktirafan kepada industri muzik hanya kerana tahun– saya satunya, saya seorang sahaja yang dapat anugerah tersebut.

SN : **Adakah Datuk berpuas hati dengan usaha dan pencapaian yang dipero– diperolehi sepanjang perkhidmatan dalam dunia seni?**

DM : Tidak puas hati kerana banyak benda yang saya nak buat gagal kerana pandemik tahun 2020, 2021. Tetapi dapat juga saya buatkan yang ketiga-tiga orkestra untuk lagu tema itu. Tetapi banyak-banyak benda lain, misalnya berpindah ke studio baru, studio canggih kita Media City tidak dapat kerana tidak siap dalam tempoh yang dijangka dan saya kena bersara. Cumanya, semua itu akan saya buat balik dalam tempoh 2 [dua] tahun yang diberikan kepada saya untuk saya menyambung khidmat sebagai pengarah muzik kontrak. Jadi mungkin ini satu peluang yang diberikan kepada saya yang saya tidak boleh persiakan.

**SN : Apakah pencapaian lain yang ingin Datuk kecapi di masa hadapan?**

DM : Saya ingin membawa orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] satu, bukan sahaja ke Indonesia Java Jazz Festival, mungkin ke negara Eropah untuk bersama-sama di peringkat yang lebih global dan satu lagi yang tak– yang saya akan ini– ialah me–nerbitkan manuskrip lagu-lagu Malaysia yang akan menjadi satu– orang kata apa– *reference* [rujukan] buat pelajar-pelajar. Lagu-lagu Malaysia dalam genre jazz yang ada di Malaysia daripada dahulu sehingga kini dan projek itu tengah saya laksanakan untuk tempoh– orang kata apa– *launching* [pelancaran] nya pada tahun hadapan. Itu merupakan projek jangka panjang saya. Saya akan bekerjasama dengan UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris] Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam menerbitkan karya *masterpiece* [karya agung] Malaysia 'The Great Malaysia of Book'. (mengangguk)

**TAMAT BAHAGIAN 3**

**BAHAGIAN 4: PENDAPAT / NASIHAT / PERANCANGAN**

KNA : **Dengan pencapaian Datuk sehingga ke tahap sekarang, Datuk telah dikenali dengan jolokan Kampung Boy to Maestro Musical. Apakah pandangan peribadi Datuk terhadap jolokan tersebut?**

DM : Saya bangga menjadi seorang anak kampung yang mencipta kejayaan kerana saya berasal daripada pemuzik– boleh dikatakan mengaji [belajar] cara kampung dan apabila dewasa baru berpeluang untuk belajar secara akademik. Tetapi perjalanan itu, orang memberi pengiktirafan kepada anak kampung untuk berada di *post* [jawatan] tertinggi sebagai pengarah muzik RTM [Radio Televisyen Malaysia] dan seterusnya menjadi– melakar sejarah di peringkat antarabangsa. Itu saya amat bangga dan tidak rasa kecil hati malah saya lagi bangga, ianya memberi inspirasi dan– orang kata bertepatan denngan motto saya 'berani mencuba'. Walaupun 'Kampung Boy to Maestro' itu satu pengiktirafan lah kepada semua pemuzik yang ingin berjaya, sekurang-kurangnya dapat dijadikan satu landasan untuk mereka bergerak.

KNA : **Mendengar cerita Datuk, bapa Datuk banyak menyokong perjalanan muzik Datuk. So [jadi] bagaimanakah dengan penerimaan orang lain iaitu orang sekeliling Datuk terutama keluarga terhadap penglibatan Datuk dalam industri muzik sehingga sekarang?**

DM : Mereka memberikan sokongan. Mereka turut melihat kemunculan saya apabila kaum keluarga juga menghantar ucapan tahniah dan saya menjadi satu-satunya orang yang bergiat dalam bidang muzik ini dalam keluarga. *So* [jadi] sedikit sebanyak, mereka memberikan satu sokongan kerana kerjaya saya itu telah membuahkan hasil yang kalau kita hendak kata boleh jadi sama-sama bangga itu, mungkin lah juga dan selain daripada itu, memberi inspirasi kepada anak-anak saya juga

yang turut mendapat kejayaan dalam bidang tertentu, bidang mereka masing-masing.

KNA : **Apakah pendapat Datuk terhadap bakat muzikal yang terdapat di Malaysia.**

DM : Banyak bakat - bakat yang kita lihat dikalangan anak muda. Tetapi kadang dia tersasar, dia tiada arah tuju, tiada tempat. Sebab itu dahulu, kebanyakkan orang memandanglah-- tidak mahulah kerja RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Tetapi apabila sampai musim pandemik, masa itulah datang penyesalan. Apabila kerja tidak ada, *show* [persembahan] tidak ada, sedangkan pemuzik di RTM [Radio Televisyen Malaysia] itu mendapat gaji bulanan. Semasa pandemik pun orang bayar gaji walaupun bekerja daripada rumah. *So* [jadi], bagi saya pemuzik - pemuzik muda mesti daripada sekarang tahu hala tuju melakarkan kerjaya. Jangan ingat hendak *depend* [bergantung] kepada *show* [persembahan] semata - mata kerana *show* [persembahan] itu akan sampai satu ketika nya, orang tidak panggil kita. Kita sudah tak relevan kerana banyak pemuzik - pemuzik sangat sekarang ini. Merata - rata ahli-ahli muzik yang muda, yang berbakat tinggi. *So* [jadi], kita kena cari jalan selamat macam mana- masing -masing nak hidup, kena pandai lah berikhtiar, pandai meningkatkan keupayaan masing-masing untuk kita berada di status yang paling tinggi dalam bidang muzik.

KNA : **Jika dilihat sekarang banyak pemuzik baru yang mula menceburi bidang muzik sekarang. Jadi, apakah nasihat yang boleh Datuk berikan kepada generasi sekarang dan para pemuzik yang ingin mengikuti jejak langkah Datuk sebagai pengarah muzik?**

DM : Mula - mula tanya sebab apa kita pilih muzik. Setakat minat itu sebenarnya tidak cukup. Sebab minat itu *last-last* [hujung-hujung] dia akan penat. End of the day [penghujung hari] apa pun tidak dapat

kerana bidang muzik ini dia [ia] tidak macam bidang lain, dia [ia] tidak menjanjikan kebahagiaan dan tidak menjanjikan pulangan wang ringgit. Baik kita masuk *business* [perniagaan], baik kita pergi jadi pharmacist [ahli farmasi] ka [ke], boleh pergi ke Kuala Kubu Bharu [Selangor], Kuala Kerian [Kubang Kerian] Kelantan, Ketereh [Kelantan]. Nak [hendak] jadi pemuzik nakpi [hendak pergi] buat apa tempat - tempat macam itu, dia mesti duduk di bandar. Jadi apabila kita memilih– kalau kita rasa memilih ini semata-mata untuk cari makan, susah lah. Untuk kita– takda [tiada] kerja lain, kita (gangguan sambungan internet) pilih muzik. Itulah yang– kekangan yang berlaku. Sebab satu, dia [ia] tidak akan bergerak jauh, dia [ia] jadi busking [persembahan muzik di tempat awam atau jalanan] jadi– mendapat ihsan orang, kais pagi makan pagi, itulah yang meletakkan satu kedudukan yang sukar. Pastu [selepas itu], bila kita pilih muzik– apabila kita dah ada *degree* [ijazah] melayakkan kita untuk bekerja. Kita jangan alpa , bagaimana kita meletakkan diri kita berbeza dengan pemuzik-pemuzik jalanan, pemuzik-pemuzik yang belajar sendiri. *So* [jadi], di ketika usia muda lah, kita kena ada pemikiran positif, "aku nak menjadikan kerjaya muzik ini sampai peringkat tertinggi". *Of course* [sudah tentu] lah jawatan pengarah muzik RTM [Radio Televisyen Malaysia] itu ada satu sahaja tetapi banyak cabang-cabang, pensyarah muzik ka [ke]. Untuk hidup selesa, bukan untuk hari ini tetapi untuk jangka masa panjang. Sebab memilih muzik, saya kata kalau setakat mahu berseronok, mahu *glamour* [terkenal], lupakanlah. Mungkin masa muda dia punya– lain caranya. Tetapi ingat, apabila melepasi usia 40 [empat puluh] tahun, hendak masuk kerja pun susah. Sapa [siapa] nk tawar kerja kita sudah umur 50 [lima puluh] tahun sudah. *So* [jadi], cari kerja sta- stabil sebab pemuzik RTM [Radio Televisyen Malaysia] pun mendapat 3 [tiga], 4 ribu [Ringgit Malaysia empat ribu] sebulan. *And then* [dan kemudian] boleh kerja luar lagi. Tetapi orang tidak pandang. Tetapi sekarang ini, apabila kita buka permohonan untuk mengambil ahli muzik baharu, lebih 6 [enam] ribu permohonan kita terima. Maknanya, orang tidak bekerja lah sekarang

ini. Dalam keadaan yang pandemik, yang orang banyak menganggur, dia pun sudah nampak mahu bekerja. Tetapi, 6 [enam] ribu itu takkan [tidak akan] kita hendak ambil semua. Itu nasib- nasib lah. *So* [jadi] fikirlah daripada sekarang pada yang muda - muda supaya tidak alpa, supaya anda berjaya. *So* [jadi], itu sahajalah saya punya cadangan.

KNA : **Apakah harapan Datuk untuk generasi muda untuk lebih menceburi bidang muzik ini?**

DM : Harapan saya supaya RTM [Radio Televisyen Malaysia] itu mempunyai pelapis kerana RTM [Radio Televisyen Malaysia] itu sudah usia enam puluh satu tahun. Saya- saya rasa dia [ia] akan terus berada dalam industri mungkin sampai seratus tahun. Tetapi pemuzik datang dan pergi. *So* [jadi], kita memerlukan ahli - ahli muzik terbaik untuk menggantikan sebagai pelapis. *So* [jadi] mungkin yang muda-muda ini boleh melihat tetapi perlu buat persediaan awal lah sebab hanya yang terbaik sahaja yang mampu masuk dalam orkestra. Bukan sahaja RTM [Radio Televisyen Malaysia], di orkestra kebangsaan di Istana Budaya [Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur], Malaysia telah membuat orkestra dan lain - lain lagi.

KNA : **Tadi, Datuk ada menyebutkan harapan untuk generasi muda. Bagaimana pula dengan harapan Datuk terhadap bidang muzik orkestra sendiri untuk- pada masa hadapan?**

DM : Orkestra mesti kekal relevan. Dia [ia] mesti meletakkan satu kedudukan yang terunggul dalam masyarakat Malaysia supaya masyarakat Malaysia tahu orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] memainkan lagu - lagu yang terbaik, yang sesuai dengan penerimaan masyarakat di Malaysia. Sebabnya, selalu orang sebut orkestra ini orang akan terbayang "alamak, beratnya, susah lah kami tidak boleh nak dengar". Jadi dia- kita nak kena dekatkan dengan masyarakat

Malaysia supaya – tanpa pendengar, tanpa penonton siapa mahu dengar kita, siapa mahu lihat kita. Jadi, apabila kita sudah berada ini, kita mesti ada hala tuju, sentiasa mendekatkan diri dengan masyarakat melalui karya - karya yang terbaik, yang hendak disajikan.

KNA : **Tadi menurut Datuk, bidang muzik orkestra perlu lah kekal relevan dan terunggul. Jadi, apakah kepentingannya untuk mengekalkan bidang muzik orkestra dalam negara kita sekarang?**

DM : Apa soalannya, bagaimana?

KNA : **Mengapa pentingnya untuk mengekalkan bidang orkestra di negara kita?**

DM : Kalau kita lihat di negara barat, orkestra itu ialah satu– menunjukkan tamadun, kemodenan atau pun tahap pemikiran yang tinggi baik di Amerika, baik di Indonesia kerana orkestra itu lah satu *level* [tahap], satu– yang tinggi. *So* [jadi], setiap negara mesti ada orkestra nya. Orkestra yang tertua ialah orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] yang melalui fasa daripada ibu bapa kita sehingga ke zaman kita. Tetapi, sebabnya dengan adanya banyak sangat tv [televisyen] swasta, *social media* [media sosial] orang dah hilang tumpuan dah. *So* [jadi], ianya perlu menggunakan teknologi yang lebih terkini untuk terus relevan kerana hilangnya orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia], hilanglah satu– sebutir– satu kumpulan orkestra tertua yang telah menjadi khazanah seni yang sudah pun– orang kata apa– lebih daripada 60 [enam puluh] tahun. Satu jangka masa yang panjang lah. Jadi– satu lagi kalau takda [tidak ada] orkestra, pemuzik-pemuzik profesional tidak dapat tempat untuk bekerja. Dia hendak kerja mana, dia main muzik secara– jadi *buskers* [seniman jalanan] , jadi main *shows* [persembahan] itu lah. *So* [jadi] at *least* [sekurang-kurangnya] dia ada satu kerjaya tetap yang dapat– sebabnya universiti keluar pelajar muzik, habis tutup orkestra itu, dia tak seimbang (gerakan jari).

Pensyarah muzik mendidik, pelajar muzik UiTM [Universiti Teknologi Mara], UNIMAS [Universiti Malaysia Sarawak], UMS [Universiti Malaysia Sabah], UMK [Universiti Malaysia Kelantan], USM [Universiti Sains Malaysia], ICOM [International College of Music], ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan], UiTM [Universiti Teknologi Mara] tetapi kita tutup peluang pekerjaan. Jadi tidak seimbang lah. So [jadi] saya yakin ia akan terus berada, terus berkembang memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak muda.

KNA : **Boleh saya tahu apakah perancangan Datuk pada masa hadapan dalam bidang ini?**

DM : Sebaik sahaja orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] berpindah ke Media City Complex dalam pekarangan Angkasapuri, kita akan membuat program perancangan. Satu, *live* [siaran langsung] orkestra ke– from [daripada] *music in* [muzik dalam] studio ke tv [televisyen] stesen. Selain daripada itu, *live on platform social media* [siaran langsung di platform media sosial]. Selepas itu penerbitan-penerbitan, naskhah-naskhah atau pun karya-karya yang hebat melalui studio baru itu dan saya rasa akan menjadikan orkestra RTM [Radio Televisyen Malaysia] terus kekal sebagai orkestra terunggul. *We lead, rest follow* [kita memimpin, yang lain mengikuti].

KNA : **Adakah Datuk mempunyai platform-platform lain selain daripada Instagram?**

DM : FB [Facebook] dan juga *Youtube channel* [saluran Youtube] saya 'Inside My Music'. Itu ialah *channel* [saluran] saya yang menemui– yang boleh dilayari oleh *followers* [pengikut] saya yang banyak menekankan kepada bagaimana menjadi seorang pemuzik profesional serba boleh.

SN : **Jika Datuk bukan sebagai pengarah muzik seperti sekarang, apakah agak - agaknya kerjaya Datuk sekarang?**

DM : Mungkin saya terus kekal sebagai guru pesara, jadi cikgu ajelah [sahaja lah] tidak pergi kemana. Habis sangat saya akan jadi guru besar kot [mungkin] ataupun setakat itu lah kerana saya mengambil pendekatan berhenti kerja pada– jadi saya rasa lebih kepada bidang pendidikan lah. Kalau saya tidak jadi pemuzik– pengarah muzik, mungkin saya akan jadi pensyarah muzik. Itu sahaja lah ya saya rasa yang saya boleh buat.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Datuk Mokhzani Ismail di sepanjang berkhidmat sebagai Pengarah Muzik Orkestra Radio Televisyen Malaysia (RTM), konduktor muzik serta pengubah lagu selama lebih 20 tahun. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni dan industri muzik tanahair pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# LOG TEMUBUAL

Syaza Nadzirah dan Ku Nur Aina menemubual Ybhg Datuk Mokhzani Ismail yang dilahirkan pada 1962, di Perlis. Temubual dijalankan melalui platform atas talian Google Meet (GMeet) mengenai pengalaman beliau dalam kerjaya muzik dan jasa dalam industri seni muzik tanah air selama lebih 2 dekad.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH PERIBADI, PENDIDIKAN DAN MUZIK** | | |
| 1.00 | **Latar Belakang Peribadi**<br>Menjelaskan tentang latar belakang diri | Mokhzani Bin Ismail<br>Negeri Perlis<br>22 Februari 1962<br>Umur : 60 Tahun<br>Mokh (rakan-rakan di Boston)<br>Zack (pensyarah di Boston)<br>DM (Datuk Mokhzani)<br>Pianist DM<br>Wangsa Baiduri, Subang Jaya, Selangor |

| | | |
|---|---|---|
| 04.07 | Menceritakan tentang latar belakang keluarga | Latifah Yusuf (ibu)<br>Ismail (abang)<br>Yazid Ismail (abang)<br>Datuk Tengku Shireen Binti Tengku Suleiman (isteri)<br>Faris Alam Shah Putra (anak)<br>Malaysia Airlines, MAS<br>Anissa Raudhah (anak)<br>Royal College of Surgeon Ireland |
| 7.46 | Menanam cita - cita daripada kecil untuk menjadi ahli muzik professional dan untuk menyertai RTM (Radio Televisyen Malaysia) tetapi mengikut kemahuan ibu - bapa yang menginginkan beliau menjadi seorang guru. Akhirnya, tetap memilih untuk menjadi seorang pemuzik profesional. | |
| 8.43 | Motto kehidupan adalah "berani mencuba, tidak takut gagal" | |

| | | |
|---|---|---|
| 11.24 | **Latar Belakang Pendidikan**<br><br>Menceritakan tentang pendidikan beliau dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi (Ijazah Sarjana Muda dalam bidang orkestra, music dan persembahan | Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera (1969 - 1974)<br><br>Sekolah Menengah Kebangsaan Derma<br><br>UiTM (Universiti Teknologi Mara) Kursus Kejuruteraan Am<br><br>Institut Perguruan Ilmu Khas (IPIK) (1980 - 1981)<br><br>Berklee College of Music, Boston, Amerika (1987 - 1990) |
| 13.05 | Menceritakan kenangan manis ketika di sekolah rendah | |
| 14.43 | Memberitahu jurusan dan pencapaian di sekolah menengah | |
| 17.41 | Bercerita tentang pengajian di peringkat tinggi, pencapaian dan kenangan manis ketika di pengajian tinggi | |

| | | |
|---|---|---|
| 23.06 | Menerangkan bagaimana beliau membahagikan masa sebagai pelajar dan bekerja separuh masa untuk menanggung kos pembelajaran di Boston, Amerika serta pengambilan kursus professional | |
| 25.05 | Pengambilan kursus professional ketika di Berklee | Boston, Amerika<br><br>Boston Conservatory di Berklee |
| 26.51 | **Latar Belakang Muzik**<br><br>Menceritakan tentang alat muzik pertama yang dipelajari iaitu biola, alat muzik yang digemari adalah piano dan alat muzik pertama yang dibeli sendiri ialah papan nada. | Shenzhen, China (2015)<br><br>Great Wall of China, China |
| 29.36 | Mempelajari alat muzik sendiri dengan bimbingan daripada bapa sebelum memasuki sekolah muzik dan sebelum ke Amerika | Yamaha Music School<br><br>College of Music, Berklee Amerika |

| | | |
|---|---|---|
| 31.32 | Meminjam dan menyewa alatan muzik ketika enam bulan pertama di Boston, Amerika | |
| 33.18 | Bapa dan abang beliau juga mempunyai bakat dan darah seni dalam bidang muzik | Sibu, Sarawak |
| 34.04 | Mula menunjukkan kearah seni muzik apabila berminat mendengar cakera yang dimainkan melalui gramofon milik bapa ketika masih kecil | |
| 35.01 | Bapa menjadi pendorong dan penyokong utama beliau | |
| 35.33 | Anak - anak mempunyai bakat dalam menyanyi dan bermain gitar. Namun, meminati dan berjaya dalam kerjaya lain | |
| 36.59 | Figura atau idola dalam dunia muzik dan kehidupan yang dikagumi | Dato' Johari Salleh (maestro muzik)<br>Bill Evans<br>Hans Zimmer<br>Tan Sri Tony Fernandes |

| | | |
|---|---|---|
| 39.46 | Rakan pemuzik yang rapat ketika masuk ke dunia muzik | Allahyarham Adibah Noor |
| **BAHAGIAN 2: KERJAYA** | | |
| 41.33 | **Pengalaman Pekerjaan Awal** | The Federal Hotel dan Hotel Hilton Kuala Lumpur (1990)<br>RTM (Radio Televisyen Malaysia)<br>Encik Johari Teh (komposer muzik) |
| 43.18 | Tempoh masa yang diambil untuk mendapatkan kerjaya pertama sebagai pemain piano di hotel adalah selama 2 bulan | |
| 44.23 | **Kerjaya Bersama RTM (Radio Televisyen Malaysia)** | RTM (Radio Televisyen Malaysia) - Julai 1990<br>Memimpin orkestra - 1994<br>Mengurus orkestra - 1996 |

| | | |
|---|---|---|
| | Tahun berkhidmat di RTM dan tempoh masa yang diambil sebelum dilantik menjadi pengarah muzik | Menjalankan tugas pengarah muzik sementara - 1998<br><br>Pengarah muzik - 1999 |
| 45.57 | Menyatakan tugas Pengarah Muzik RTM (Radio Televisyen Malaysia) adalah untuk menyelaraskan orkestra, mengendalikan dan memberi tunjuk ajar kepada ahli - ahli muzik di seluruh Malaysia serta memegang tugasan negara untuk lagu tema Hari Kebangsaan. | |
| 48.40 | Menyatakan cabaran sebagai seorang pengarah muzik adalah kerana industri muzik Malaysia yang kecil, dan mengubah persepsi orkestra di mata masyarakat. | |

| | | |
|---|---|---|
| 51.06 | Universiti yang menawarkan kursus muzik | UiTM (Universiti Teknologi Mara)<br><br>ASWARA (Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan)<br><br>UNIMAS (Universiti Malaysia Sarawak)<br><br>UMS (Universiti Malaysia Sabah)<br><br>UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris)<br><br>USM (Universiti Sains Malaysia) |
| 53.34 | Pemuzik yang terbaik, berdisiplin, tinggi sahsiah diri diperlukan dalam menjayakan sesebuah orkestra. Orkestra memerlukan 40 orang pemuzik. | |
| 55.53 | Persediaan yang dilakukan sebelum memimpin orkestra adalah untuk mencari bilangan pemuzik yang dikehendaki, memikirkan konsep persembahan, jenis lagu, artis yang akan terlibat serta lokasi | |

| | | |
|---|---|---|
| 1.00.42 | Menceritakan tentang konsert kerajaan atau gala yang paling meninggalkan kesan | Simfoni Putrajaya<br><br>The Great Wall of China |
| 1.06.09 | Perubahan ketara dalam memimpin orkestra RTM adalah kehadiran ahli muzik baru | |
| 1.08.23 | Memberitahu cara bagaimana beliau kekal relevan dalam industri seni muzik | AJL(Anugerah Juara Lagu)<br><br>Gegar Vaganza |
| 1.11.41 | **Penglibatan Sebagai Pengubah & Pencipta Lagu**<br><br>Menyenaraikan penglibatan dalam penciptaan lagu dan kerjasama dengan pemuzik lain | Allahyarham Datuk Suhaimi Mohd Zain (Pak Ngah)<br><br>Keranamu Malaysia<br><br>Jalur Gemilang<br><br>Malaysia Prihatin<br><br>Ernie Zakri<br><br>Menang Bersama<br><br>Faizal Tahir<br><br>Azharina Azhar<br><br>Mawi<br><br>Allahyarham Saleem |

| | | |
|---|---|---|
| 1.12.49 | Menceritakan lagu pertama yang dicipta | Kanak - Kanak<br><br>Merdekarama |
| 1.12.52 | Genre muzik kegemaran dan peristiwa berkaitan | Jazz<br><br>Festival Java Jazz |
| 1.16.42 | Penglibatan bersama beberapa artis dan tempoh masa menyiapkan lagu | Azharina Azhar<br><br>Allahyarham Saleem<br><br>Menang Bersama<br><br>Faizal Tahir |
| 1.18.04 | Menceritakan tentang penulisan lirik yang diterima | Datuk Habsah Hassan<br><br>Siso |
| 1.18.48 | Menjelaskan cara berkolaborasi dan berkomunikasi bersama rakan artis / pemuzik | RTM (Radio Televisyen Malaysia)<br><br>TV3<br><br>Anugerah Juara Lagu<br><br>Gegar Vaganza<br><br>Syamel<br><br>Ernie Zakri<br><br>Allahyarham Adibah Noor<br><br>Aina Abdul<br><br>Allahyarham Siti Sarah Raisuddin |

| | | |
|---|---|---|
| 1.20.23 | Menyatakan lagu atau melodi ciptaan yang menjadi kegemaran | Malaysia Prihatin<br>Malaysian Philharmonic Orchestra<br>Orkestra Simfoni Kebangsaan<br>Orkestra RTM<br>Ernie Zakri |
| 1.22.05 | Pengalaman manis sepanjang karier ialah menjadi duta piano | Malaysian Book of Records<br>The First Malaysian to be International Music Ambassador<br>Tembok Besar China<br>Beijing<br>Shanghai<br>Guangzhao<br>Harbin<br>Liuzhao |
| **BAHAGIAN 3: SUMBANGAN / PENCAPAIAN** | | |
| 1.27.37 | Anugerah yang diingati sepanjang karier | JUSA (Jawatan Utama Sektor Awam)<br>Gelaran "Datuk" yang pertama (1999)<br>Gelaran "Datuk" yang kedua dari kerajaan negeri Pahang (1999)<br>Anugerah dari kerajaan Negeri Perlis<br>Malaysia Book of Records |

| | | |
|---|---|---|
| | | Pengiktirafan daripada negara iaitu 'Datuk' daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah |
| 1.30.30 | Masyarakat dan rakyat Malaysia sentiasa menunggu lagu - lagu tema hari kebangsaan memandangkan ianya merupakan sebuah lagu patriotik dan dinyanyikan oleh pelbagai peringkat umur dan pelbagai bangsa. | Keranamu Malaysia<br>Jalur Gemilang<br>Faizal Tahir<br>Ernie Zakri |
| 1.32.25 | Sumbangan dalam membuka genre muzik dan irama Malaysia | Konsert Malam Irama Malaysia<br>Malam Simfoni Irama Malaysia (2006)<br>Konsert Jazz Tribute to Malaysian Composer |
| 1.33.53 | Sumbangan sebagai pemain muzik pertama Malaysia yang membuat persembahan di Tembok Besar China | Getaran Jiwa<br>Beijing<br>Malaysian Book of Records<br>The Great Wall Comes Alive |

| | | |
|---|---|---|
| 1.35.54 | Persembahan tersebut mendapat liputan besar - besaran dan diterbitkan di dalam akhbar 'Star'. | |
| 1.35.10 | Anugerah terbesar diperolehi sebagai pemuzik negara daripada kerajaan Malaysia | Anugerah Panglima Jasa Negara |
| 1.36.17 | Pencapaian lain yang ingin dicapai | Indonesia Java Jazz Festival<br>UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris)<br>The Great Malaysia of Book |
| **BAHAGIAN 4 : PENDAPAT / NASIHAT / PERANCANGAN** | | |
| 1.39.17 | Pandangan terhadap gelaran Kampung Boy to Maestro Musical dan penerimaan orang sekeliling | |
| 1.41.35 | Pendapat terhadap bakat muzikal Malaysia dan nasihat untuk generasi yang ingin mengikut jejak langkah | |
| 1.43.10 | Harapan untuk generasi muda dalam bidang muzik, | RTM (Radio Televisyen Malaysia) |

| | | |
|---|---|---|
| | bidang muzik orkestra, | Istana Budaya |
| 1.48.27 | Kepentingan orkestra di Malaysia | |
| 1.50.46 | Perancangan masa depan dalam bidang orkestra | Media City Complex |
| 1.51.41 | Platform - platform yang sering digunakan Instagram, Facebook dan Youtube (Inside My Music) | |
| 1.52.08 | Jika beliau bukan sebagai pengarah muzik sekarang, beliau mungkin menjadi seorang guru dan lebih kepada bidang pendidikan | |

# RALAT

Sepanjang sesi temubual dan rakaman berlangsung, terdapat beberapa masalah dan halangan yang tidak dapat dielakkan. Antara masalah dan halangan yang berlaku:

- Gangguan capaian internet
- Gangguan bunyi (laungan azan, bunyi pintu)
- Lain - lain gangguan teknikal

Halangan tersebut dinyatakan kerana memberi impak terhadap rakaman semasa temubual dijalankan seperti menjejaskan kualiti suara. Hal tersebut menyebabkan terdapat beberapa butir bicara yang tidak dapat didengari dengan jelas dan maklumat yang diperolehi tidak secara keseluruhan.

# GLOSARI

| | |
|---|---|
| Jazz | Genre muzik yang berasal dari komuniti Afrika Amerika di New Orleans. Berasal daripada irama ragtime dan blues. Ia dianggap sebagai muzik klasik Amerika. |
| Orkestra | Pasukan / kumpulan pancaragam yang mempunyai bilangan pemuzik yang besar dan memainkan beberapa alat muzik seperi biola, trompet, saksofon dan sebagainya. |
| Orkestra RTM | Simfoni orkestra yang mempersembahkan atau memainkan simfoni, mengorkestrasikan persembahan, atau mengubah lagu / muzik. |

# INDEKS


## A

Adibah Noor 27, 44, 65, 69

Agong 48, 71

Alor Setar 22

Aina Abdul 44, 69

Amerika 10, 13, 15, 19, 20, 21, 23, 28, 29, 41, 62, 63, 74

Angkasapuri 30, 58

Anissa Raudhah 13, 61

Anugerah Juara Lagu 39, 43, 68, 69

Anugerah Panglima Jasa Negara 51, 72

ASWARA 32, 58. 67

Azharina Azhar 41, 42, 68, 69

## B

Beethoven 31

Beijing 45, 50, 70, 71

Berklee 4, 15, 18, 19, 21, 23, 26, 27, 62, 63

Bill Evans 26, 64

Boston 10, 12, 13, 15, 18, 19, 20, 21, 23, 28, 29, 41, 60, 62, 63, 64

## C

Cheras 15, 17

China 22, 37, 40, 45, 46, 50, 63, 68, 70, 71

College of Music 4, 15, 18, 19, 21, 23, 26, 27, 58, 62, 63

Conservatory 21, 63

## D

Dato' 26, 48, 64

Datuk Mokhzani 3, 4, 6, 7, 9, 10, 59, 60

Duli Yang Amat Mulia Sri Paduka Baginda Agong 48

## E

Ernie Zakri 40, 44, 49, 68, 69, 70, 71

## F

Facebook 10, 27, 45, 58, 73,

Faizal Tahir 40, 43, 49, 68, 69, 71

Faris Alam Shah Putra 13, 61

# G


Grammy Awards 19

Gegar Vaganza 39, 43, 68, 69

Gemilang 50 RTM 37

Great Wall of China 22, 37, 63, 68

Getaran Jiwa 50, 71

Guangzhou 45


# H


Habsah Hassan 43, 69

Hagspiel 22

Haji Maideen 36

Harbin 45, 70

Hari Kebangsaan 14, 40, 66, 71

Hari Kemerdekaan 31, 43

Hans Zimmer 26, 64

History of Art 21

Holiday Villa Hotel 11

Hotel Federal 28, 29

Hotel Hilton 28, 65


# I


ICOM 58

Ijazah Sarjana Muda 18, 19, 21, 62

Indonesia 36, 37, 52, 57, 72

Institut Perguruan Ilmu Khas 15, 17, 18, 62

International Music Ambassador 45, 70

Ipoh 15

Ireland 13, 61

Ismail 3, 4, 6, 9, 11, 59, 60, 61

Istana Budaya 8, 56, 73


# J


Jalan Bukit Bintang 29

Jalur Gemilang 40, 49, 68, 71

Jazz 4, 26, 30, 36, 41, 49, 50, 52, 69, 71, 72, 74

Jepun 20

Johari Salleh 26, 64

Johari Teh 28, 65

Johor Bahru 30

JUSA 48, 70

## K

Kangar 2, 9, 15

Kampung 11, 18, 19, 27, 29, 46, 51, 53, 72

Keranamu Malaysia 40, 49, 68, 71

Keyboard 16, 24

Konsert Diraja 31, 34

Konsert Jazz Tribute to Malaysian Composer 50, 71

Kuala Lumpur 16, 27, 28, 29, 56, 65

## L

Latifah Yusuf 11, 61

Liuzhou 45

## M

Maktab Perguruan Ilmu Khas 15

Malam Irama Malaysia 50, 71

Malaysia Book of Records 36, 45, 48, 50, 70

Malaysia Prihatin 40, 44, 68, 70

Malaysian Philharmonic Orchestra 8, 44, 70

Media City 32, 52, 58, 73

Menang Bersama 40, 43, 68, 69

Mozart 31

## N

Naskhah 43, 44, 45, 49, 58

Notes 23

## O

Orkestra 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 13, 18, 22, 25, 27, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 43, 44, 45, 46, 52, 56, 57, 58, 59, 62, 65, 66, 67, 68, 70, 74

Orkestra Simfoni Kebangsaan 8, 44, 69

## P

Pahang 30, 48, 70

Pak Ngah 40, 48, 68

Performance Center 18

Pemuzik 4, 5, 6, 7, 8, 13, 19, 24, 25, 27, 32, 33, 35, 38, 40, 41, 46, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 61, 64, 67, 68, 69, 72, 74

Perlis 2, 3, 4, 9, 11, 15, 16, 19, 22, 30, 48, 60, 70

Pianist 10, 60

Piano 4, 6, 16, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 28, 37, 45, 46, 50, 63, 65, 70

Pieces 29, 34

Psychology 21

## R

Royal College of Surgeon 13, 61

RTM 3, 4, 6, 8, 9, 13, 15, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 43, 44, 46, 47, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 61, 65, 66, 68, 69, 70, 72, 74

## S

Sabah 30, 31, 32, 58, 66, 67

Sarawak 11, 24, 30, 32, 57, 64, 67

Selangor 3, 11, 15, 55, 60

Sekolah Menengah Derma 9, 15

Sekolah Rendah Seri Indera 9, 15

Sekolah Tunku Abdul Rahman 15

Senandung Kanak - Kanak 41, 42

Shanghai 45, 70

Shenzhen 22, 63

Sibu 11, 24, 64

Simfoni Putrajaya 36, 37, 68

Star 15, 51, 71

Suhaimi Mohd Zain 40, 68

Syamel 44, 69

## T

Tan Sri Tony Fernandes 27, 64

Tembok Besar China 37,45, 50, 70, 71

Tengku Shireen Binti Tengku Suleiman 12, 61

The Great Wall Comes Alive 50, 71

The Largest Symphony For Outside Broadcast 36

## U

UiTM 15, 32, 58, 62, 68

UNIMAS 32, 58, 67

UPSI 14, 32, 52, 67, 72

USM 32, 58, 67

Utusan Malaysia 19

## W

Wangsa Baiduri 3, 11, 60

## Y

Yamaha Music School 23, 63

Yazid Ismail 11, 61

## Z

Zack 10, 60

# BIBLIOGRAFI


Adil Johan. (2020). Muzik Popular Malaysia: Perangsang dan Pelantar Sosial Integrasi Nasional. In Kartini Aboo Talib @ Khalid & Shamsul Amri Baharuddin (Eds.), *Tapak Integrasi: Wahana Penyatupaduan Negara* (pp. 148–170). UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Bertolini, D. (2018). *Management and Structure of the Symphony Orchestra: A professional orchestra case-study into the techniques and philosophy applied within the industry*. https://doi.org/10.13140/RG.2.2.30708.19846

Efendi, A., & Haryanto, A. (2021, August 10). *Musik Orkestra: Sejarah, Jenis, dan Musiknya*. Tirto.id; Tirto.id https://tirto.id/musik-orkestra-sejarah-jenis-dan-alat-musiknya-givM

Norshafawati Saari, Asiah Sarji, and Fuziah Kartini Hassan Basri, (2010) *Muzik dan pembangunan sosial: paparan dasar industri hiburan dalam akhbar-akhbar di Malaysia.* Jurnal Komunikasi ; Malaysian Journal of Communication, 26 (2). pp. 47-65

*Online Finding Aids - Kandungan Bahan*. (2022). Arkib.gov.my. https://ofa.arkib.gov.my/ofa/group/asset/1085631

Saari, N., Sarji, A., & Hasan Basri, F. K. (2010). Muzik dan pembangunan sosial: paparan dasar industri hiburan dalam akhbar-akhbar di Malaysia. *Jurnal Komunikasi ; Malaysian Journal of Communication*, *26*(2), 47–65.

STAR MEDIA GROUP. (2012). *Orkestra RTM Wakili Negara Ke "Jakarta Jazz Festival."* MSTAR. https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2012/10/13/orkestra-rtm-wakili-negara-ke-jakarta-jazz-festival

Ting, B. M. (2021). *Tentang Muzik, Jiwa, dan Bakat Tempatan B e h M a y Ti n g SIDANG REDAKSI.* https://penanginstitute.org/wp-content/uploads/2021/03/Tentang-Muzik-Jiwa-dan-Bakat-Tempatan.pdf

Tyrrell, J., & Sadie, S. (2001). *The new Grove dictionary of music and musicians*. Grove.

Wee, T. H. (2013). *PENGKARYAAN MUZIK BAGI ORKESTRA SIMFONI: GABUNGAN CIRI-CIRI KLASIKISME, ROMANTISME DAN MUZIK ABAD KE 20-AN* (pp. 1–36) [Thesis].

YAHAYA, O. I. H. (2022, February 9). *Orkestra Keluarga Malaysia tidak memainkan irama rakyat*. Malaysia Dateline. https://malaysiadateline.com/orkestra-keluarga-malaysia-tidak-memainkan-irama-rakyat/

# LAMPIRAN

## Biografi Tokoh

Mokhzani Bin Ismail merupakan seorang anak kelahiran negeri Perlis Darul Sunnah. Beliau yang dilahirkan pada 22 Februari 1962 merupakan anak kepada pasangan pesara guru, Latifah Yusuf dan Ismail Ariffin. Dilahirkan di dalam sebuah keluarga yang sederhana, beliau membesar bersama seorang abang. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera, Sekolah Menengah Derma, Institut Perguruan Ilmu Khas dan seterusnya di Berklee College of Music, Boston, Amerika Syarikat.

Kini, beliau merupakan pengarah muzik di stesen penyiaran Radio Televisyen Malaysia (RTM). Beliau sinonim sebagai tunjang penciptaan lagu - lagu tema hari kebangsaan seperti "Malaysia Prihatin" pada 2020 dan lagu "Menang Bersama" pada 2021. Memegang jawatan sebagai pengarah muzik, beliau bertanggungjawab untuk memimpin ataupun menguruskan orkestra tertua di Malaysia dan orkestra RTM dan menyelaraskan orkestra RTM supaya jadi orkestra nombor satu negara.

# Surat Perjanjian

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ......Datuk Mokhzani Ismail...... K/P: ____[illegible]____ pada ____21 June 2022____ dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah ditetapkan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
    a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh Datuk Mokhzani )
Tarikh: 21/6/2022

(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

# Senarai Soalan

## 1. LATAR BELAKANG TOKOH

### Latar Belakang Peribadi

1. Apakah nama penuh Datuk?
2. Adakah Datuk mempunyai nama samaran atau nama panggilan daripada keluarga atau rakan-rakan?
3. Berapakah usia Datuk pada tahun ini?
4. Bilakah Datuk dilahirkan?
5. Dimanakah Datuk dilahirkan dan dibesarkan?
6. Dimana Datuk menetap sekarang?
7. Bolehkah saya tahu nama ibu dan bapa Datuk?
8. Berapakah bilangan adik beradik dan Datuk merupakan anak keberapa dalam keluarga?
9. Bilakah Datuk mendirikan rumah tangga?
10. Pada usia berapakah Datuk mendirikan rumah tangga?
11. Apakah nama isteri Datuk?
12. Berapakah bilangan anak Datuk?
13. Apakah nama anak-anak Datuk?
14. Berapakah umur dan kerjaya mereka sekarang?
15. Apakah cita-cita dato sewaktu kecil?
16. Apakah motto hidup Datuk?
17. Boleh Datuk ceritakan bagaimana Datuk membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya?

### Latar Belakang Pendidikan

Sekolah Rendah

18. Dimanakah Datuk mendapatkan pendidikan awal?
19. Apakah nama sekolah rendah Datuk?
20. Pada tahun berapakah Datuk memulakan dan menamatkan sekolah rendah Datuk?
21. Adakah Datuk memiliki kenangan manis pada zaman sekolah rendah?

Sekolah Menengah

22. Apakah nama sekolah menengah Datuk?

23. Tahun bilakah Datuk memulakan dan menamatkan pengajian sekolah menengah Datuk?

24. Apakah jurusan yang Datuk ambil ketika di sekolah menengah?

25. Adakah Datuk aktif semasa dibangku sekolah menengah?

26. Pencapaian tertinggi Datuk yang telah dicapai di sekolah menengah?

Pengajian Tinggi

27. Dimanakah Datuk memulakan pengajian di universiti?

28. Apakah peringkat pengajian tinggi Datuk ketika itu?

29. Apakah kursus yang diambil pengajian Datuk?

30. Mengapakah Datuk mengambil keputusan untuk mengambil kursus atau bidang tersebut?

31. Pencapaian tertinggi Datuk yang telah dicapai semasa berada di universiti?

32. Boleh Datuk ceritakan kenangan manis semasa di universiti?

33. Pernahkah Datuk bekerja separuh masa semasa belajar? Jika ya, bagaimana Datuk dapat membahagikan masa kerja dan aktif dalam pembelajaran?

34. Adakah Datuk mempunyai kursus-kursus professional lain yang pernah Datuk ikuti? Jika ya, mengapa Datuk memilih untuk mengikuti kursus profesional tersebut?

**Latar Belakang Muzik**

35. Sebagai ahli muzik, apakah alatan muzik pertama yang Datuk pelajari?

36. Pada tahun berapakah Datuk mula bermain piano?

37. Apakah alat muzik yang paling digemari Datuk?

38. Siapakah yang mula-mula mengajar Datuk dalam bermain alatan muzik?

39. Adakah Datuk pernah meminjam atau menyewa alat muzik? Jika ya, apakah alat muzik tersebut dan berapa lama Datuk meminjam / menyewanya?

40. Apakah alat muzik pertama yang dibeli sendiri oleh Datuk?

41. Adakah keluarga Datuk turut memiliki bakat atau darah seni dalam bidang muzik atau bermain piano seperti Datuk?

42. Adakah adik beradik Datuk menceburi bidang yang sama dengan Datuk? Jika ada, berapa orang yang terlibat?

43. Apakah yang menyebabkan Datuk mula menunjuk minat kearah seni muzik?
44. Adakah anak-anak turut meminati bidang yang Datuk ceburi?
45. Adakah Datuk turut menerapkan bidang muzik dalam diri anak-anak?
46. Adakah Datuk berharap agar anak-anak Datuk mengikuti langkah kerjaya Datuk dalam muzik dan orkestra?
47. Siapakah figura /idola dalam dunia muzik yang dikagumi Datuk dan mengapa?
48. Apakah sumber inspirasi Datuk dalam muzik dan kehidupan?
49. Siapakah antara rakan pemuzik yang Datuk rapat ketika melangkah masuk ke dunia muzik dan orkestra?
50. Adakah penglibatan Datuk dalam industri muzik adalah impian atau cita - cita yang telah dipupuk dari kecil?

## 2. KERJAYA

**Pengalaman Pekerjaan Awal**

51. Apakah kerjaya pertama Datuk setelah tamat pengajian dan adakah ia berkaitan dengan bidang pengajian yang telah Datuk pelajari?
52. Apakah nama syarikat atau organisasi tersebut?
53. Bagaimanakah Datuk boleh mendapatkan pekerjaan tersebut?
54. Untuk berapa lamakah Datuk mengambil masa untuk untuk mendapatkan kerjaya pertama selepas tamat belajar?
55. Boleh saya tahu tempoh masa Datuk berkhidmat dalam bidang tersebut?
56. Apakah jawatan yang disandang oleh Datuk?

**Kerjaya Bersama Orkestra RTM**

57. Bagaimanakan kerjaya Datuk dengan RTM bermula?
58. Boleh saya tahu, pada tahun berapakah Datuk mula berkhidmat di RTM?
59. Apakah jawatan yang disandang ketika pertama kali memulakan kerjaya di RTM?
60. Berapa lamakah tempoh masa Datuk berkhidmat di RTM sebelum dilantik sebagai Pengarah Muzik di situ?
61. Apakah tugas Datuk sebagai Pengarah Muzik RTM?
62. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Datuk semasa mula-mula memulakan

kerjaya sebagai pengarah muzik RTM?

63. Sebagai seorang tokoh yang pengalaman sebagai pengarah muzik, pada Datuk apakah elemen - elemen penting dalam menjayakan sesebuah orkestra?

64. Apakah alat - alat muzik yang diperlukan dalam sesebuah orkestra?

65. Bagaimana pula dengan bilangan pemain muzik yang diperlukan bagi setiap alat muzik tersebut?

66. Memimpin sesebuah orkestra bukanlah sesuatu perkara yg mudah, bagaimanakah dengan persiapan atau persediaan yang dilakukan sebelum memimpin orkestra?

67. Berapakah tempoh masa yang diambil untuk sesi persiapan termasuk latihan sebelum persembahan?

68. Sebagai pengarah muzik yang memimpin orkestra, apakah cabaran yang Datuk hadapi dalam mewujudkan harmoni yang sempurna?

69. Datuk telah memimpin orkestra RTM di pelbagai konsert kerajaan dan gala yang berprestij. Apakah konsert kerajaan dan gala yang paling meninggalkan kesan kepada diri Datuk sepanjang perjalanan karier Datuk?

70. Apakah perasaan Datuk ketika dapat memimpin orkestra RTM dalam program pertukaran ASEAN bersama negara lain serta mengendalikan 76 keping orkestra untuk Simfoni Putrajaya?

71. Apakah perubahan ketara yang Datuk perhatikan setelah lebih 20 tahun memimpin orkestra tertua RTM?

72. Adakah perubahan tersebut memerlukan penambahbaikan atau sudah cukup seperti sediakala? Apakah pendapat Datuk?

73. Bagaimanakah Datuk mengekalkan prestasi sebagai seorang anak seni yang masih bergiat aktif dan relevan hingga sekarang walaupun dengan kehadiran bakat - bakat baru?

74. Sebagai seorang yang berpengalaman dalam bidang muzik, bagaimanakah Datuk berinteraksi dengan para junior dari bidang yang sama?

**Penglibatan Sebagai Pengubah dan Pencipta Lagu**

75. Selain konduktor muzik, Datuk turut mencipta lagu-lagu terkenal negara. Boleh Datuk senaraikan antara lagu-lagu yang telah Datuk cipta?

76. Apakah lagu pertama yang Datuk cipta?

77. Apakah lagu dan genre kegemaran Datuk?

78. Apakah yang menjadi inspirasi Datuk untuk mencipta lagu pada kali pertama?

79. Berapakah tempoh masa yang Datuk perlukan untuk menyiapkan lagu?

80. Datuk juga turut menulis lirik untuk artis-artis terkenal. Siapakah rakan artis yang telah menerima penulisan lirik lagu daripada Datuk?

81. Secara umumnya, bagaimana Datuk dapat berkolaborasi dengan mereka dalam penciptaan lagu?

82. Apakah lagu ciptaan Datuk yang paling digemari?

83. Perjalanan Datuk dalam bidang muzik cukup panjang pelbagai pengalaman telah Datuk tempuhi. Apakah pengalaman yang manis yang dapat Datuk kongsikan bersama?

84. Kerjaya manakah yang Datuk mahu lebih dikenali, sebagai maestro atau pemain piano?

## 3. SUMBANGAN / PENCAPAIAN

85. Datuk telah menerima pelbagai anugerah daripada sumbangan Datuk kepada negara. Boleh Datuk kongsikan antara anugerah yang diingati sepanjang karier muzik Datuk?

86. Selain itu, Datuk turut menyumbangkan beberapa lagu kebangsaan kepada negara seperti lagu untuk Hari Kebangsaan dan tema 1 Malaysia. Bagaimanakah penerimaan Malaysia terhadap lagu - lagu tersebut?

87. Datuk merupakan tulang belakang Malam Simfoni Irama Malaysia 2006 dan konsert Jazz Tribute to Malaysia yang pertama seumpamanya di negara ini. Adakah Datuk merasakan bahawa sumbangan Datuk ini telah membuka genre muzik dan irama Malaysia baharu kepada negara kita?

88. Pada tahun 2015, Datuk melakar sejarah di persada antarabangsa sebagai pemain muzik pertama Malaysia yang membuat persembahan di Tembok Besar China. Apakah yang Datuk persembahkan ketika itu?

89. Bagaimanakah kesan persembahan tersebut terhadap industri muzik memandangkan persembahan itu diadakan di sebuah negara asing?

90. Apakah penghargaan atau anugerah terbesar yang Datuk perolehi sebagai pemuzik negara daripada kerajaan Malaysia?

91. Adakah Datuk berpuas hati dengan usaha dan pencapaian yang diperolehi sepanjang perkhidmatan dalam dunia seni?

92. Apakah pencapaian lain yang ingin Datuk kecapi di masa hadapan?

4. **Pendapat / Nasihat / Perancangan**

93. Datuk dikenali dengan jolokan Kampung Boy to Maestro Musical. Apakah pandangan peribadi Datuk terhadap jolokan tersebut?

94. Bagaimanakan dengan penerimaan daripada orang sekeliling Datuk terutama keluarga terhadap penglibatan Datuk dalam industri muzik

95. Apakah pendapat Datuk terhadap bakat muzikal yang terdapat di Malaysia?

96. Apakah nasihat yang boleh Datuk berikan kepada generasi sekarang dan para pemuzik yang ingin mengikuti jejak langkah Datuk sebagai pengarah muzik?

97. Apakah harapan Datuk untuk generasi muda lebih menceburi bidang muzik?

98. Bagaimana dengan harapan Datuk terhadap bidang muzik orkestra pada masa hadapan?

99. Pada pandangan Datuk dan sebagai tokoh di dalam bidang muzik dan orkestra, mengapa pentingnya untuk kekalkan bidang ini di negara kita?

100. Boleh saya tahu apakah perancangan Datuk pada masa hadapan dalam bidang ini?

101. Adakah Datuk mempunyai platform - platform lain untuk peminat mengikuti perkembangan Datuk?

102. Jika Datuk bukan sebagai pengarah muzik seperti sekarang, apakah agak - agaknya kerjaya Datuk sekarang?

103. Apakah yang Datuk ingin lakukan apabila Datuk sudah pencen?

104. Apakah muzik kepada Datuk?

# DIARI KAJIAN

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 8.04 Pagi - 8.24 Pagi | 5 April 2022<br><br>(Selasa) | Pengenalan mengenai tugasan<br><br>Pengenalan tentang tugasan berlaku diatas talian melalui platform WhatsApp oleh pensyarah subjek, Puan Nurulannisa Abdullah (Madam Anis) | Pengenalan telah diberikan oleh Madam Anis tentang tugasan bagi subjek IMR604 : Pendokumentasian Lisan. Arahan telah diberikan untuk melakukan tugasan secara berpasangan iaitu 2 orang bagi satu tokoh. |
| 8.02 Pagi - 4.57 Petang | 12 April 2022<br><br>(Selasa) | Penerangan tugasan dan perbincangan calon tokoh pertama<br><br>Pensyarah memberikan maklumat tugasan secara lebih terperinci dan pemberian senarai tokoh yang tidak relevan.<br><br>Selain itu, pelajar turut berbincang dengan pensyarah tentang pemilihan calon tokoh. | Pensyarah memberikan tema tugasan iaitu 'Seniman Veteran' dimana menerangkan tentang kriteria pemilihan tokoh yang perlu diikuti oleh para pelajar.<br><br>Pemberian senarai tokoh yang tidak relevan untuk pemilihan contohnya seperti tokoh yang telah dipilih oleh pelajar lain turut diberikan oleh pensyarah.<br><br>Pelajar merujuk kepada pensyarah tentang pemilihan calon tokoh pertama iaitu Dato' M. Nasir namun tidak diterima kerana tokoh tersebut sudah diambil dan dijadikan tokoh untuk pelajar sebelumnya. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9.45 Pagi - 9.49 Pagi | 13 April 2022<br><br>(Rabu) | <u>Konsultasi Bersama Pensyarah tentang calon pemilihan tokoh</u><br><br>Bertanyakan pendapat pensyarah dalam pemilihan tokoh di antara Allahyarhamah Adibah Noor dan Nasir Bilal Khan. | Pelajar merujuk dan meminta pandangan pensyarah tentang pemilihan tokoh di antara Allahyarhamah Adibah Noor dan Nasir Bilal Khan.<br><br>Pensyarah telah memberikan pandangannya untuk memilih Nasir Bilal Khan disebabkan oleh Allahyarhamah Adibah Noor masih belum relevan sebagai seorang tokoh veteran. |
| 10.37 Pagi - 10.49 Pagi | 15 April 2022<br><br>(Jumaat) | <u>Pemberian senarai tokoh veteran</u><br><br>Pensyarah memberikan senarai tokoh veteran yang telah disenaraikan oleh yayasan projek. | Pemberian senarai tokoh veteran yang telah disenaraikan oleh yayasan untuk projek semester yang mana tokoh - tokoh yang disenaraikan telah dimaklumkan tentang projek ini mengikut negeri. |
| 2.30 Petang - 2.58 Petang | 18 April 2022<br><br>(Isnin) | <u>Pemberian notis untuk penghantaran abstrak tokoh</u><br><br>Pemberian notis kepada pelajar untuk mengisi nama tokoh yang telah dipilih dan menghantar abstrak di platform Google Classroom | Pensyarah memberikan notis kepada para pelajar untuk menghantar abstrak serta mengisi nama di bahagian Tokoh - Surat Penyelidikan di Google Classroom untuk tujuan persediaan surat penyelidikan tokoh.<br><br>Proses pencarian maklumat calon tokoh Nasir Bilal Khan untuk tujuan menghubungi beliau. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10 Pagi - 2 Petang | 19 April 2022<br><br>(Selasa) | <u>Penukaran tokoh dibuat oleh pelajar</u> | Pelajar telah menukar calon daripada Nasir Bilal Khan kepada Datuk Mokhzani Ismail disebabkan tidak mendapat sebarang maklumat untuk menghubungi beliau. |
| 1.44 Petang - 3 Petang | 21 April 2022<br><br>(Khamis) | <u>Peringatan terakhir untuk mengisi nama untuk surat penyelidikan tokoh</u><br><br><u>Penghantaran abstrak</u><br><br>Penghantaran abstrak pemilihan tokoh di Google Classroom | Pensyarah memberikan peringatan untuk mengisi nama untuk tujuan mendapatkan surat penyelidikan tokoh.<br><br>Pelajar menghantar abstrak menyatakan bahawa pemilihan tokoh telah dijalankan dan menerangkan tentang tokoh yang dipilih iaitu Datuk Mokhzani Ismail. |
| 11.11 Pagi - 12.39 Pagi | 24 April 2022<br><br>(Ahad) | <u>Pemberian surat penyelidikan tokoh dan pembetulan dijalankan</u><br><br>Pemberian surat penyelidikan diberikan oleh pensyarah kepada setiap kumpulan melalui platform WhatsApp. | Pensyarah memberikan surat penyelidikan tokoh kepada setiap kumpulan berdasarkan pengisian nama dan tokoh yang diisi oleh pelajar.<br><br>Pensyarah meminta pelajar memeriksa surat dan membuat pembetulan kepada kumpulan yang mempunyai kesalahan. |
| 1.55 Petang | 25 April 2022<br><br>(Isnin) | <u>Proses menghubungi tokoh</u><br><br>Menghubungi Datuk Mokhzani Ismail di platform Instagram. | Berhubung menggunakan Direct Message (DM) di media sosial, Instagram untuk kali pertama. Mesej tersebut adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2.09 Pagi<br><br>8.00 Pagi - 9.15 Pagi<br><br>10.00 Pagi - 10.30 Pagi | 26 April 2022<br><br>(Selasa) | <u>Penerimaan maklum balas daripada pihak tokoh</u><br><br>Maklum balas diterima oleh Datuk Mokhzani Ismail.<br><br><u>Penerangan secara lisan oleh pensyarah Madam Anis</u><br><br>Penerangan lebih lanjut tentang tugasan transkrip secara lisan melalui platform Google Meet (GMeet).<br><br><u>Persetujuan oleh tokoh diterima dan pemberian surat penyelidikan tokoh</u><br><br>Pelajar menghubungi tokoh Datuk Mokhzani untuk meminta persetujuaan di platform WhatsApp | Datuk Mokhzani Ismail memberikan maklum balas dengan memberikan number telefon untuk tujuan perbincangan lebih lanjut di platform WhatsApp.<br><br>Pensyarah mengadakan perjumpaan secara atas talian melalui Google Meet untuk memberikan penerangan yang lebih mendalam tentang langkah seterusnya selepas pemilihan tokoh secara lebih mendalam.<br><br>Datuk Mokhzani telah bersetuju untuk mengambil bahagian di dalam tugasan ini sebagai tokoh dan perbincangan lebih lanjut akan diadakan. Surat rasmi penyelidikan tokoh daripada UiTM juga turut disertakan untuk memberi informasi tentang kajian ini. |
| 8.00 Pagi - 10.00 Pagi | 10 Mei 2022<br><br>(Selasa) | <u>Penerangan tentang soalan temu bual dan format transkrip</u><br><br>Pensyarah mengadakan sesi pembelajaran di atas talian melalui platform Google Meet untuk menerangkan tentang soalan temu bual. | Madam Anis menjelaskan tentang bentuk soalan temu bual yang perlu dihasilkan oleh para pelajar sebelum menemu ramah tokoh. Selain itu, Madam Anis juga memberi penerangan tentang format transkrip yang penting dalam penghasilan tugasan transkrip. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3.09 Petang - 4.48 Petang | 13 Mei 2022<br><br>(Jumaat) | Perbincangan mengenai kaedah temu bual bersama tokoh<br><br>Perbincangan berlangsung di platform WhatsApp di mana kaedah temu bual dibincangkan. | Pelajar menghubungi tokoh tunjuk membincangankan mengenai kaedah temu bual sama ada secara bersemuka atau secara Meia iaitu melalui Google Meet.<br><br>Di samping itu, pelajar turut menanyakan alamat Datuk Mokhzani sekiranya temu bual dijalankan secara bersemuka. |
| 11 Pagi - 12 Malam | 16 Mei 2022 - 19 Mei 2022<br><br>(Isnin - Khamis) | Penghasilan soalan temu bual<br><br>Pelajar menghasilkan soalan temu bual dengan bimbingan pensyarah dan mengikut bentuk soalan yang telah ditetapkan. | Pelajar menghasilkan soalan temu bual yang terdiri daripada beberapa kategori seperti latar belakang tokoh, pengalaman dalam kerjaya, sumbangan tokoh serta soalan yang berkenaan nasihat atau pendapat yang boleh beliau berikan kepada topik yang dibincangkan. |
| 10.00 Malam | 20 Mei 2022<br><br>(Jumaat) | Penghantaran soalan temu bual untuk kali pertama<br><br>Pelajar menghantar soalan temu bual kepada pensyarah melalui platform Google Classroom | Penghantaran soalan temu bual kepada pensyarah adalah bertujuan untuk membolehkan pensyarah untuk memeriksa soalan sama ada mengikut bentuk soalan yang ditetapkan dan memastikan bahawa semua soalan adalah sesuai untuk menemu ramah tokoh. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9.00 Pagi | 22 Mei 2022<br><br>(Ahad) | <u>Penerimaan maklum balas berkenaan soalan temu bual daripada pensyarah</u><br><br>Pensyarah memberikan maklum balas tentang soalan temu bual beserta soalan yang memerlukan pembetulan daripada pelajar. | Maklum balas yang diterima daripada pensyarah adalah berkaitan dengan soalan yang perlu dibatalkan kerana tidak sesuai untuk ditanyakan kepada tokoh. Oleh disebabkan itu, pensyarah meminta pelajar untuk menambah dan membetulkan semula soalan temu bual. |
| 2.00 Petang | 25 Mei 2022<br><br>(Rabu) | <u>Penghantaran semula soalan temu bual yang telah disemak semula kepada pensyarah</u><br><br>Penghantaran soalan untuk kali kedua juga dihantar melalui platform Google Classroom untuk tujuan penyemakan secara lebih terperinci. | Pelajar menghantar soalan temu bual buat kali kedua selepas membuat pembetulan yang disenaraikan oleh pensyarah. Tujuan penghantaran soalan buat kali kedua adalah untuk pensyarah membuat pemeriksaan secara teliti berkenaan soalan yang telah dibetulkan. |
| 10.00 Pagi | 26 Mei 2022<br><br>(Khamis) | <u>Penerimaan maklum balas kali kedua berkenaan soalan temu bual daripada pensyarah</u><br><br>Soalan temu bual diberikan semula oleh pensyarah bersama pembetulan yang perlu dibetulkan. | Pensyarah memberikan maklum balas dengan menghantar semula dokumen soalan beserta pembetulan yang perlu dibetulkan berkenaan dengan penyusunan ayat di dalam soalan supaya lebih mudah difahami oleh tokoh. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11.00 Pagi<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>4.00 Petang | 12 Jun 2022<br><br>(Ahad) | <u>Penghantaran semula soalan temu bual kali ketiga kepada pensyarah</u><br><br>Soalan temu bual dihantar semua kepada pensyarah untuk meneliti semula semua pembetulan yang telah dibuat oleh pelajar<br><br><u>Pensyarah memberikan maklum balas tentang soalan yang dihantar untuk kali ketiga</u><br><br>Soalan yang dihantar untuk kali ketiga disemak semula oleh pensyarah dan diterima. | Pelajar menghantar semula soalan temu bual yang telah diedit dan dibetulkan mengikut senarai pembetulan yang disemak oleh pensyarah. Ia adalah untuk memastikan bahawa setiap soalan yang ditanya adalah sesuai dan mengikut bentuk soalan yang telah ditetapkan.<br><br>Pensyarah memberikan maklum balas dengan menyatakan bahawa soalan yang dihantar telah menepati kriteria bentuk soalan untuk menemu ramah tokoh. Namun, terdapat kesalahan kecil yang perlu dibetulkan semua dan meminta pelajar untuk menghantar dokumen soalan temu bual terakhir selepas kesalahan dibetulkan oleh pelajar. |
| 2.00 Petang | 14 Jun 2022<br><br>(Selasa) | <u>Penghantaran dokumen soalan temu bual lengkap kepada pensyarah</u><br><br>Pelajar menghantar dokumen soalan temu bual lengkap kepada pensyarah melalui platform Google Classroom | Penghantaran soalan temu bual telah dihantar di dalam format dokumen 'pdf' kepada pensyarah di mana menandakan bahawa soalan temu bual itu sudah lengkap mengikut kriteria dan bentuk soalan yang ditetapkan serta sesuai untuk menemu ramah tokoh. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11.00 Pagi - 2.00 Petang | 15 Jun 2022<br><br>(Rabu) | <u>Penghantaran soalan kepada tokoh</u><br><br>Pelajar menghantar dokumen soalan yang telah lengkap kepada tokoh melalui platform WhatsApp | Dokumen soalan dihantar kepada tokoh adalah bertujuan untuk menerima persetujuan dan pengesahan daripada tokoh yang menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan setiap soalan yang bakal ditanya serta soalan yang dibuat adalah sesuai dan tidak menyentuh sensitiviti atau isu peribadi tokoh.<br><br>Tokoh telah menerima soalan yang dihantar dan bersetuju dengan semua soalan yang bakal ditanyakan semasa temu bual. |
| 2.03 Petang - 2.33 Petang | 16 Jun 2022<br><br>(Khamis) | <u>Perbincangan bersama tokoh mengenai tarikh temu bual.</u><br><br>Datuk Mokhzani Ismail berkelapangan pada tarikh 20 Mei 2022 sehingga tarikh 24 Mei 2022 bersamaan hari Jumaat sehingga hari Selasa melalui platform WhatsApp | Pelajar menghubungi Datuk Mokhzani Ismail untuk menetapkan tarikh temu bual secara atas talian. Pelajar bercadang 18 Jun 2022 untuk proses menemu ramah dijalankan.<br><br>Namun, Datuk Mokhzani Ismail tidak mempunyai kelapangan pada hari yang dijadualkan dan kemudian mencadangkan untuk menemu ramah pada 21 Jun 2022. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11.11 Pagi - 11.46 Pagi | 18 Jun 2022<br><br>(Sabtu) | <u>Pengesahan tarikh temu bual.</u><br><br>Datuk Mokhzani Ismail bersetuju untuk menjalankan temu bual pada 21 Jun 2022 bersamaan hari Selasa pada jam 2 petang - 4 petang. | Pelajar menghubungi Datuk Mokhzani Ismail untuk mendapatkan pengesahan tentang tarikh untuk menjalankan sesi temu bual dan beliau bersetuju untuk menemu ramah pada 21 Jun 2022 bersamaan hari Selasa pada jam 2 petang sehingga 4 petang melalui platform Google Meet. |
| 1.34 Tengahari | 20 Jun 2022<br><br>(Isnin) | <u>Penukaran masa untuk sesi temu bual</u><br><br>Penukaran masa untuk sesi temu bual dibuat melalui platform telefon. | Datuk Mokhzani Ismail menelefon kepada pelajar untuk memohon penukaran masa sesi temu bual iaitu jam 2 petang dilewatkan menjadi 4 petang. Ia telah dipersetujui dan masa ditukarkan menjadi jam 4 petang sehingga 6 petang. |
| 4 Petang - 6 Petang | 21 Jun 2022<br><br>(Selasa) | <u>Sesi temu bual dijalankan bersama tokoh</u><br><br>Sesi temu bual pelajar bersama tokoh berjalan seperti dirancang tanpa terdapat sebarang masalah. | Pada jam 4 petang sehingga 6 petang, sesi temu bual dijalankan di platform Google Meet di mana pelajar bertanyakan soalan yang berkenaan latar belakang beliau termasuk kerjaya dan sumbangan beliau kepada negara dan industri muzik orkestra negara. temu bual yang dijalankan berlangsung selama 2 jam dan habis pada jam 6 petang. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9.00 Pagi - 11.20 Pagi | 22 Jun 2022<br><br>(Rabu) | Proses penelitian video rakaman<br><br>Penelitian ini adalah untuk menyemak semula kualiti video rakaman. | Proses untuk meneliti video rakaman bertujuan untuk memastikan tiada sebarang masalah yang dihadapi ketika proses transkripsi seperti kualiti dan pertuturan yang tidak jelas. |
| 2.00 Petang - 11.00 Malam | 24 Jun 2022<br><br>(Jumaat) | Proses pengeditan video rakaman<br><br>Proses ini bertujuan untuk memastikan video rakaman rakaman yang selari dengan transkrip tanpa sebarang gangguan. | Proses ini bertujuan untuk memastikan video rakaman ialah rakaman untuk transkrip sahaja tanpa melibatkan perbualan atau gangguan sebelum atau selepas sesi temu bual dijalankan. |
| 10.49 Pagi | 26 Jun 2022<br><br>(Ahad) | Proses mentranskrip bermula<br><br>Pelajar memulakan proses untuk mentranskrip sesi temu bual yang telah dijalankan melalui rakaman video. | Kedua-dua pelajar di dalam kumpulan ini memberikan kerjasama dalam proses transkrip mengikut format yang telah ditetapkan dan merujuk kepada pensyarah setiap kali mempunyai permasalahan di dalam proses transkrip. |
| 12.16 Pagi | 6 Julai 2022<br><br>(Khamis) | Proses transkripsi tamat<br><br>Proses untuk transkrip video rakaman tokoh tamat selepas 11 hari. | Proses transkripsi berakhir dengan sesi penutupan di mana pelajar memberikan kata penutup dan ucapan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama daripada pihak tokoh iaitu Datuk Mokhzani Ismail dalam sesi temu bual ini. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9.00 Malam | 10 Julai 2022<br><br>(Ahad) | <u>Proses menyiapkan log wawancara</u><br><br>Log wawancara adalah untuk menekankan perkara penting yang dikatakan oleh tokoh agar ia dapat memberikan pandangan tentang topik perbualan. | Proses untuk menyiapkan log wawancara dilakukan dalam tempoh beberapa hari disebabkan ianya memerlukan penelitian teliti daripada pelajar agar dapat memberikan pandangan ringkas dan jelas tentang topik temu bual. |
| 11 Pagi - 10 Malam | 17 Julai 2022<br><br>(Ahad) | <u>Proses menyediakan indeks</u><br><br>Indeks merupakan senarai nama, subjek atau kata nama khas dengan merujuk kepada halaman di mana ia disebut. | Persediaan menyiapkan indeks ialah proses menyenaraikan kata nama khas yang terdiri daripada nama, subjek untuk memudahkan pembaca dalam merujuk dan mencari perkatan-perkataan yang terdapat di dalam transkrip. |
| 10 Pagi - 4 Petang | 20 Julai 2022<br><br>(Rabu) | <u>Pemilihan tajuk artikel</u><br><br>Tajuk artikel yang dipilih ialah 'Menyingkap Pengalaman Maestro Kelas Pertama: Datuk Mokhzani Ismail' | Tajuk artikel adalah dipilih berdasarkan topik utama dalam sesi temu bual tokoh iaitu untuk menyingkap kisah kehidupan dan kejayaan beliau. |
| 9.00 Malam | 21 Julai 2022<br><br>(Khamis) | <u>Penulisan artikel</u><br><br>Penulisan artikel adalah untuk mengemaskini maklumat tambahan yang diperolehi daripada tokoh. | Penulisan artikel ditulis untuk mengemaskini maklumat yang terdapat di kertas cadangan awal atau lebih dikenali dengan 'preliminary proposal'. Selepas selesai sesi temu bual, penulisan artikel adalah untuk menambahkan maklumat tambahan yang diperoleh semasa sesi temu bual bersama tokoh. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11.00 Pagi | 29 Julai 2022<br><br>(Jumaat) | Proses menyiapkan diari kajian<br><br>Diari kajian adalah bertujuan untuk memberikan gambaran tentang masa dan kaedah penyiapan tugasan ini bermula daripada tugasan diberi oleh pensyarah sehingga tugasan dihantar ke pensyarah untuk tujuan penilaian. | Diari kajian disiapkan pada akhir tugasan kerana ianya memerlukan maklumat yang terperinci tentang tugasan yang terdiri daripada masa, tarikh, perkara dan tindakan yang dilakukan oleh pelajar dalam tempoh menyiapkan tugasan transkrip ini. |
| 10.00 Malam | 1 Ogos 2022<br><br>(Isnin) | Proses menggabungkan dokumen<br><br>Proses ini bertujuan untuk menggabungkan beberapa dokumen kepada satu dokumen untuk memudahkan pensyarah menilai tugasan. | Penggabungan dokumen adalah melibatkan beberapa dokumen berasingan yang terdiri daripada transkrip, log wawancara, surat kajian penyelidikan, senarai indeks, singkatan atau 'abbreviation' dan diari kajian kepada satu dokumen lengkap sahaja. |
| 2.00 Petang | 2 Ogos 2022<br><br>(Selasa) | Pencetakan tugasan lengkap dan dibukukan<br><br>Proses ini adalah untuk menjadikan tugasan ini berbentuk buku fizikal untuk tujuan penyimpanan dan penilaian pensyarah. | Tugasan lengkap dicetak dan dibukukan menggunakan kulit keras untuk menjadikan ia sebagai satu buku transkrip lengkap sekaligus memasukkan audio dan video rakaman ke dalam CD/DVD untuk penghantaran kepada pensyarah. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2.00 Petang | 3 Ogos 2022<br><br>(Rabu) | Penghantaran tugasan<br><br>Tugasan lengkap dihantar ke pensyarah untuk dinilai serta dihantar ke tokoh iaitu Datuk Mokhzani Ismail. | Dokumen lengkap yang berformat fizikal dihantar ke pensyarah serta turut dihantar kepada Datuk Mokhzani Ismail melalui servis kurier di mana ianya adalah untuk memberikan hasil kerja lengkap berkenaan kisah hidup beliau sendiri. |

# GAMBAR




